

Sebuah Jurnal

Bandar Cirebon tidak ramai tapi juga tidak sepi jika hendak dibandingkan dengan bandar lain pada tahun 1667. Bandar ini tidak mendapatkan rezekinya dari perdagangan rempah atau perdagangan antarabangsa- berada di antara dua bandar besar. Sunda Kelapa di barat dan Semarang di timur. Bandar Cirebon mendapatkan rezekinya dari banyaknya kapal yang mengisi bekalan ulang alik di tengah perjalanan mereka termasuk kapal-kapal V.O.C.

Wilhelmina, kapal terpantas armada V.O.C sedang berlabuh di bandar itu. Kapal itu tersadai bersama 13 kapal V.O.C lain. Semua orang tahu apa yang telah terjadi. Khabarnya telah bergema ke seluruh pejabat dagang dan kerajaan dari Makassar sampai Melaka. Kumpulan kapal V.O.C baru saja berjaya membuatkan Sultan Hasanuddin menyerah- sultan terkuat di Timur Nusantara.

Orang di sebalik kejayaan V.O.C. dalam menumpaskan Kesultanan Gowa adalah seorang kapten dari kapal Wilhelmina. Lelaki itu sedang membuka jalan, membuka tapak-tapak perdagangan di bandar tersebut. Ada cerita yang panjang tentang sang kapten dan krunya. Lelaki berumur 39 tahun itu bernama Cornelis Speelman. Dia sudah merantau keluar dari Belanda sejak berumur 16 tahun. Dia membangunkan kariernya di perusahaan V.O.C. Semua orang dapat melihat keinginan Speelman terhadap kekuasaan. Kecekapan, naluri dan pengetahuannya tentang perniagaan dan keganasan membuatkan dirinya terlihat cukup unik dan menjadi rising star dalam perusahaan. Pada suatu ketika, dia pernah menjawat jawatan sebagai gabenor untuk loji-loji V.O.C di Koromandel.

Selain menjawat jawatan dalam V.O.C, Speelman juga memiliki impian yang besar pada suatu hal. Berpuluh tahun merantau di luar Belanda telah membuka matanya mengenai dua perkara yang begitu berharga. Pertama adalah harta yang berupa wang- yang boleh didapati dari perniagaan rempah ratus. Ini sudah jelas dan memang menjadi inti dari keberadaan V.O.C. Harta lain yang nilainya jauh lebih besar adalah harta yang tersimpan milik kerajaan-kerajaan yang dia temui dalam perantauan. Speelman terinspirasi dari kisah qonquistador Hernan Cortez yang hidup ratusan tahun lalu. Siapa yang tidak kenal dengan Cortez. Orang Portugis

yang berjaya menemukan harta emas di Benua Amerika dan membunuh semua Indian. Hal-hal seperti itulah yang menjadi obsesi Speelman.

Obsesi Speelman juga memberi pengaruh buruk bagi kerjayanya. V.O.C mengetahui bahawa Speelman, entah bagaimana caranya berhasil mendapatkan bongkah berlian yang sangat besar. Speelman berkeras mengatakan bahawa berlian ini dia temukan melalui ekspedisi peribadi. Namun pihak V.O.C memiliki kecurigaan bahawa Speelman menjalankan kegiatan rasuah- kerana berlian sebesar itu tidak mungkin akan diperolehi dengan hanya gaji seorang gabenor. Atas dasar kes tersebut, direktur V.O.C memecat Speelman dari jabatan Gabenor Koromandel lalu memberikannya jawatan kapten kapal dengan penempatan di Batavia. Sebuah penurunan pangkat bagi Speelman tetapi dengan posisi tersebut, Gabenor Jeneral dapat mengawasi Speelman dengan lebih baik. V.O.C masih memerlukan kecekapan seorang Speelman. Tahun ini, langkah V.O.C ternyata terbukti. Speelman berjaya memimpin rancangan untuk menumpaskan Kesultanan Gowa.

Di bandar Cirebon itu, Speelman telah melalui semua detik kemenangan. Dia ingin mewujudkan impian peribadinya yang lain. Rasa ingin tahu Speelman mengundang dirinya ke sebuah kedai barangan antik yang terletak di kawasan perdagangan. Speelman masuk ke kawasan tersebut, bertemu dengan pemiliknya. Seorang lelaki Cina tua bernama Hong Peng Cun.

“Welcome Meneer. Apa yang Meneer cari?.” Sapa pemilik kedai barangan antik itu.

Speelman melambaikan tangannya sambil tersenyum, matanya dihalakan ke arah barang-barang antik yang terdapat di dalam kedai itu. Ada pistol kecil dan topeng muka, peninggalan bangsa Portugis. Ada deretan keris-keris yang sudah kusam. Ada peta-peta dunia yang sudah Speelman hafal di kepalanya. Tidak ada yang menarik!.

“Meneer, adakah encik ini benar-benar Meneer Speelman?.”

“Ya, tahu dari mana?.”

“Wahhh siapa yang tak kenal dengan V.O.C, syarikat yang paling ditakuti di seluruh Nusantara, Meneer.” Seloroh si lelaki tua.

Speelman hanya terdiam dan tersenyum. Matanya masih melilau, mencari benda-benda yang menarik. Biasanya, nalurinya sudah fasih berbicara, menjadi petunjuk bagi mana barang yang berharga dan mana yang tidak. Matanya lalu tertuju pada sebuah buku jurnal yang sudah sangat usang dan berdebu. Ukurannya berbeza dibandingkan dengan buku lain yang disusun di dalam rak itu. Speelman mengambilnya lalu membuka buku tua itu dengan perlahan. Penuh dengan aksara-aksara yang dia tidak mengerti. Speelman hampir menutup kembali buku itu sebelum akhirnya dia sampai pada sebuah halaman yang begitu menarik perhatiannya. Gambar sebuah barang. Barang yang pernah dia lihat, di Istana Mataram.

Bukan sebuah kebetulan. Baginya, tidak ada yang bernama kebetulan dalam hidup ini.

Nalurinya berbisik. Speelman tahu dia harus membeli jurnal itu.

"Dari mana pak cik dapatkan jurnal ini?" Tanya Speelman.

Sang lelaki tua itu berjalan perlahan menghampiri Speelman dan mengamati jurnal tersebut baik-baik.

"Ouhh sudah lupa. Dulu, ada pengembara yang menemukan jurnal ini dan menjualkan kepada saya."

"Berapa harga jurnal ini?"

Lelaki tua itu terdiam sebentar. Dia sendiri tidak tahu apa isi jurnal itu. Penuh dengan aksara yang dia juga tidak kenal. Maklumlah, dia sendiri adalah perantau dari Beijing.

"Dua ratus Meneer."

Speelman mengangguk. Dia memberikan wang. Tidak lama kemudian, Speelman sudah berjalan keluar meninggalkan kedai itu.

Speelman berjalan, hendak kembali menuju ke kapal. Seseorang yang bernama Kapten Kolder, datang menghampirinya.

"Kapten Speelman!." Teriaknya, bergegas membawa surat.

Speelman menoleh.

“Ya, ada apa?”

“Saya datang langsung dari Batavia, berharap dapat menemui tuan di tengah jalan. Puji Tuhan, akhirnya kita bertemu jua.”

”Ada apa?”

”Tuan dan semua pasukan harus segera pulang ke Batavia, untuk menemui Meneer Besar.”
Kapten Kolder merujuk kepada Gabenor Jeneral V.O.C.

”Kenapa terburu-buru?”

Kapten Kolder memberikan sepucuk surat.

”Semua orang gembira dengan kejayaan penumpasan kelmarin. Penumpasan yang dipimpin oleh Meneer Speelman. Meneer Besar ingin menganugerahkan pangkat dan darjah kebesaran kepada Speelman.”

Suasana hambar di bandar itu berubah menjadi kalut. Layar-layar kapal dibuka. Sauh-sauh diangkat. Kapal-kapal V.O.C segera belayar keluar bandar, menuju ke Laut Jawa, mengarah ke Batavia.

Tiga Perwira

Ada alasan yang jelas mengapa Pulau Sangeang tidak berpenghuni. Di atas pulau kecil itu terdapat sebuah gunung yang masih aktif. Penduduk kampung menamakan gunung tersebut sebagai Sangeang Api. Kondisinya yang begitu aktif telah menjadikan tanah pulau itu begitu subur untuk proses penanaman dan pertanian. Setidaknya, untuk saat ini sudah ada lumut dan juga akar-akar tumbuhan yang bijinya terbawa arus dari pulau lain. Namun ada yang berbeza di suatu pagi, tahun 1674. Sebuah perahu dari Bali membelah ombak dan mendekati pulau tersebut. Perahu itu tampaknya seperti bergegas kerana selain memakai layar, ada seorang lelaki tua, lelaki muda dan seorang wanita muda mengerahkan tenaga mereka untuk mendayung.

Lelaki yang agak berumur, bernama Rusa Arang. Dia terlihat sangat matang untuk lelaki seusianya, lingkungan 40-45 tahun. Kerut di muka, bercerita tentang banyak hal yang dia simpan di dalam hati. Parut-parut luka bekas bertarung senjata jelas terlihat di lengan dan badan, bercerita sendiri tentang kepakarannya dalam ilmu pertahanan diri. Cerita-cerita yang-jika dia mampu memilih- tidak akan dia lalui. Parut-parut itu sebagai tanda pengalaman yang ingin dia lupakan. Pengalaman membunuh, berlari dari sesuatu dan menangkap sesuatu.

Lelaki yang tampak muda itu bernama Bara Angkasa. Usianya dalam lingkungan 20 tahun dan memiliki badan tegap yang sama seperti sang senior.

Satu-satunya wanita di atas perahu itu bernama Galuh Puspa. Wanita yang sebaya dengan Bara Angkasa memiliki rupa paras yang sangat cantik. Hidungnya mancung, kedua matanya berwarna coklat terang, memberi keteduhan. Badannya toned dan ramping. Galuh perasan bahawa Arang mencuri pandang ke arahnya. Dia tersenyum kepada senior yang sangat dia hormati itu. Rambutnya panjang dan disanggul rapi. Sisa rambut yang menjuntai membuatnya kelihatan lebih cantik.

Mereka bertiga memakai pakaian rakyat biasa. Namun bila diperhatikan betul-betul, di balik pakaian mereka, akan terlihat dan terasa bahawa mereka bukanlah orang sembarangan. Prajurit elit. Sekumpulan perwira.

Mereka menandakan diri mereka dengan memakai paku bahu di lengan atas, sebelah kanan. Paku bahu itu unik dan hanya ada 9 di dunia. Benda itu adalah tanda bahawa mereka adalah sebahagian dari pasukan elit. Paku bahu itu hanya boleh diperolehi berdasarkan garis keturunan—saat sang ayah memberikannya—atau jika keahlian bela diri mereka sudah lengkap untuk menggantikan pendahulu. Atau pendahulu mereka sudah meninggal dunia sebelum waktunya. Mereka adalah tiga pahlawan terakhir yang memakai paku-paku bahu tersebut.

”Abang.” Galuh memecahkan keheningan.

”Katanya, mereka semua sudah gugur. Betul ke mayatnya mendiami dasar laut di perairan sini?”

“Aku dengar juga begitu tetapi sudah tidak ada yang hidup untuk bercerita benar.” Ujar Arang. Sekali lagi dia melirik ke arah pahlawan cantik yang ada di sampingnya.

Perahu itu menemukan dasar pantai. Mereka turun dari perahu lalu menariknya sehingga bersandar di atas pasir. Dari sana, tanpa berbual, mereka mengambil tas kulit masing-masing kemudian memulakan perjalanan di darat.

Pulau itu tidak mempunyai jalan sehalu. Namun Rusa Arang tahu jalan mana yang harus diambilnya untuk sampai di kaki Gunung Sangeang. Di kaki gunung itu, terletak tujuan mereka. Sebuah gua kuno yang keberadaannya hanya diketahui oleh mereka bertiga—dan para pendahulu mereka yang sudah gugur.

Lima minit berjalan kaki membawa mereka ke sebuah pintu gua. Rusa Arang terdiam dan menatap dua orang rakannya. Seakan mengerti, mereka mengangguk. Rusa Arang mengeluarkan sebuah bungkusan berkain hitam dari tasnya. Dengan perlahan, dia membuka bungkusan tersebut. Dia termenung. Ada ketidakrekaan yang dalam dan merenggut jantung setiap kali dia menatap pusaka tersebut. Setelah tiga tahun pencarian, setelah dua rakannya gugur, benda itu akhirnya berjaya mereka ambil. Pusaka yang baru saja mereka curi dari keruntuhan Kesultanan Gowa.

Pusaka ke-8.

Perolehan pusaka ke-8 ini merupakan misi ketiga bagi Rusa Arang yang sudah menjadi pahlawan lebih dari 20 tahun. Namun ini merupakan misi pertama bagi Bara Angkasa dan Galuh Puspa.

Abang Arang, begitulah sang pahlawan tua biasa dipanggil, mengambil pusaka tajam tersebut lalu menghujamkannya ke dinding pintu gua. Tertancap sedikit, Bara dan Galuh mengeluarkan senjata tempur mereka dari dalam tas masing-masing kemudian bergantian memukul pusaka itu agar lebih menusuk ke dalam.

Tidak lama, mereka merasakan bumi bergetar perlahan. Mereka berhenti memukul. Bara dan Galuh kemudian melihat sebuah kejadian yang belum pernah mereka lihat sebelumnya. Pusaka tersebut masuk ke dalam dinding gua.....

Dan menghilang!.

"Ayuh!. Kita berangkat sekarang. Masih ada dua lagi. Kita sudah tak ada banyak masa lagi. Cepat!." Ujar Rusa Arang. Bara dan Galuh mengangguk. Mereka bertiga kembali ke perahu.

Mencuba Untuk Berjaya

Teriknya matahari sedikit terimbangi oleh hembusan angin laut yang sejuk, membuatkan suhu laut cukup baik bagi sekumpulan lelaki di atas sebuah kapal kecil, di perairan Selat Melaka. Mereka yang berada di atas perahu khas ukiran orang Bugis itu adalah para lanun. Mereka menamakan diri mereka sebagai Geng Kunyit. Perkara mengapa mereka memilih nama Geng Kunyit sedangkan kunyit itu tiada kaitan langsung dengan laut, memang menjadi cerminan betapa rendahnya tahap kecerdasan mereka.

Pemimpin dari kapal perompak itu adalah seorang lelaki berumur 30 tahun yang bernama Alang Kelana. Seorang lelaki yang sama sekali tidak tampan, tinggi dan selalu memotong rambutnya pendek atas saranan dari kru kapalnya.

"Bang, potong pendek bang."

"Kenapa?."

"Untuk menyerlahkan lagi wajah tampan abang."

Begitulah aspirasi dari Aceng, Abbas, Suren dan Lintong- para kru kapal. Padahal, Alang telah memelihara sedikit janggut dan kumis tapi sama sekali tidak menolongnya untuk menjadi lebih tampan. Alang selalu menyarungkan sebilah badik dan sepucuk pistol di pinggang. Alang memimpin kumpulan perompak ini dengan berbekalkan kecerdasan serendah mungkin dan masih baru tergolong dalam pasukan perompak dan lanun.

"Ada kapal!." Jerit Lintong, sang pendakwah.

"Di sana!." Tunjuknya ke sana.

"Demi Lanun Merah!. Akhirnya ada!." Teriak Alang. Satu lagi tentang Alang, dia adalah pengikut setia Lanun Merah.

Keempat-empat kru hanya terdiam. Satu tahun belayar di laut bersama Alang, mereka sudah puas menasihati Alang bahawa tidak ada yang namanya Lanun Merah dalam mitologi mana pun, itu semua hanyalah mitos semata-mata.

"Segera ke sana!." Sambung Alang. Dia menatap mereka dan memberikan semangat.

"Kali ini, kita pasti akan berjaya!." Seru Alang, yang disambut dengan reaksi selamba oleh para kru kapalnya. Ada yang mengangkat bahu, menggaru-garu kepala bahkan menguap mungkin kerana mengantuk.

"Alahhh korang ni!! Semangatlah sikit!!." Tegas Alang, kesal.

"Macam mana nak semangat bang?." Balas Aceng.

"Tengok ni saya kira. Dari awal kita membentuk Geng Kunyit, kita dah hampir lapan kali cuba merompak kapal tapi tak ada satu pun yang berjaya!."

"Hummm betul jugak tu. Kenapa ya?." Alang bingung.

Keempat-empat krunya saling berpandangan dan mengecilkan anak mata. Mereka tahu jawapannya. Alasan mengapa mereka belum pernah berjaya merompak adalah disebabkan oleh Alang sendiri.

"Kita belum pernah memecahkan telur kerana abang selalu memulakannya dengan terlalu sopan!." Jelas Suren.

"Terlalu sopan?. Terlalu sopan yang macam mana?."

"Yelah, abang kalau setiap kali nak merompak selalu mulakan dengan ucapan assalamualaikum, hah kalau macam tu, mana ada orang nak takut dengan kita bang!."

"Ya, betul tu!. Abang tu dah kenapa?. Perlu ke bagi salam dulu?. Setiap kali abang bagi salam kat dorang, saya rasa macam tak sampai hati pulak nak rompak dorang. Kesian."

"Betul tu bang!. Nak cakap abang baik, abang bukan baik mana pun. Solat pun tak pernah, asyik mabuk-mabuk tapi bila masuk time nak merompak, eh hh boleh pulak bagi salam bagai!."

"Humm betul jugak tu. Aku selama ni terlalu sopan dengan dorang." Ya, Alang memang selalu terbuka dalam menerima kritikan pedas dari krunya.

"Baiklah, kali ini kita cuba untuk jadi lebih ganas. Kali ini, itu!. Tengok! kapalnya dah semakin dekat!." Jerit Alang.

"Betul ke bang?. Janji tau!." Sahut Suren.

"Ganas tau bang!!. Lagi ganas lagi bagus!." Seru Abbas.

"Ingat tau bang!. Jangan malukan kami lagi." Sambung Aceng.

"Yelah! Yelah!!. Cepat!!"

Geng Kunyit makin mendekati pada sebuah kapal dagang. Menggesek tipis di dinding kapal itu.

Kru Geng Kunyit bersorak dan berteriak memberikan kesan seram.

"Yehaaaaa!!!." Sorak mereka. Hanya saja, suara sang kapten yang mengikutinya, terdengar lebih nyaring, melaung dengan lebih kuat!.

"Bang!. Dahlah tu, kita dah sampai ni. Tak payah nak teriak-teriak sangat. Over nauu abang ni."

"Betul tu bang. Saya yang dengar ni pun dah naik bingit telinga ni hah. Suara abang menjerit tu dah macam suara jenglot tersepit pintu."

Lagi-lagi, Alang dikritik oleh krunya.

Dia meraih tali gantung, bersedia untuk mengayunkan diri dari dek ke kapal seberang.

"Jangan bagi salam tau bang!."

"Ehhh bisinglah korang ni!!" Marah Alang sambil mengayunkan diri lalu terus mendarat di atas dek kapal sasaran. Dia segera menghalang seorang lelaki yang berpakaian lusuh.

Alang memegang pistol di tangan kanannya dan menghunus badik bugisnya di tangan kiri. Sebilah badik yang selalu Alang ceritakan, diperolehinya setelah membunuh seorang bangsawan Bugis tetapi ia sudah tumpul, matanya pula patah lalu dia beli dari tauke daging di Pasar Tanah Abang dua tahun yang lalu bagi menggantikannya, dengan harga yang murah pula tu.

"Demi Lanun Merah!. Serahkan semua hartamu!!." Jerit Alang, berjaya tanpa mengucapkan salam.

"Oh anak muda....kami tidak punya apa-apa." Rintih lelaki tua itu.

Dalam masa yang sama, Aceng, Abbas, Lintong dan Suren juga turut mengayun diri mereka menggunakan tali.

"Yehaaaaaaa!!!!!" Jerit mereka kononnya mahu tampak lebih ganas. Mereka berjaya mendarat di samping Alang yang masih memegang tali.

"Anak muda, ini adalah kapal milik penghidap penyakit kusta."

"Eiiiiiiiiiii!!." Empat perompak yang baru mendarat tadi segera kembali ke dek kapal mereka.

"Ehhh korang nak pergi mana tu??!!." Protes Alang setelah melihat empat orang krunya meraih tali, mengayun diri dan kembali ke kapal Geng Kunyit.

"Anak muda, tolong saya. Saya mencari barang saya, pagi tadi ia jatuh di lantai ini, agak-agak ada di mana ya?." Ujar lelaki itu sambil memegang lengan Alang.

"Jangan bang!!!."

"Jangan biarkan dia pegang abang!!!." Jerit para kru dari kapal mereka.

"Ya pak cik, jangan pegang-pegang saya pak cik. Pak cik ni dari mana?." Tanya Alang.

"Kami dari Batavia. Kami adalah penderita penyakit kusta yang sudah tidak boleh diubati lagi. Kami dikirimkan ke dalam kapal ini untuk dibiarkan mati di atas laut ini."

"Hummm kesiannya pak cik. Apa yang saya boleh bantu pak cik?." Ujar Alang, tulus.

"Anak muda ada berapa keping perak?." Tanya lelaki tua itu.

"Untuk apa?."

“Siapa tahu jika kami berjaya tiba di darat, kami ingin menguburkan jasad-jasad penderita yang lain dengan cara yang baik. Itu mereka.” Lelaki tua itu menunding ke arah sekumpulan manusia yang ditutup dengan kain.

Alang menelan liur.

“Jangan bagi bang!!.”

”Ohhh begitu. Kalau macam tu, sekejap.” Alang membelek-belek kocek seluarnya lalu mengeluarkan satu uncang yang berisi wang.

”Saya ada....satu....dua...em....nah...enam keping perak. Ambillah, buat pak cik. Semoga pak cik dan kawan-kawan yang lain sentiasa tabah. Maaf, hanya itu saja yang mampu saya tolong.”

“Oh ya?. Tak apa-apa. Terima kasih.”

”Kalau macam tu, saya minta diri dulu ya pak cik.”

“Nanti dulu anak muda!.”

“Ya, ada apa?.”

“Sekarang, boleh tak kalau pak cik nak minta tolong. Tolong pak cik carikan barang pak cik sekejap?.”

”Saya pergi dulu ya pak cik!!!.” Alang melompat se pantas kilat, tidak ingin berjangkit dengan lelaki tua itu.

Geng Kunyit memisahkan diri dari kapal ’kusta’ itu, segera berlayar menjauh.

”Abang, kenapa abang bagi kepingan perak kat pak cik tua tu tadi?.”

”Hummm ini bukannya dapat untung tapi rugi lagi adalah!!.”

”Dahlah!. Biarkan jelah.” Balas Alang.

"Hummm katakanlah, kalau korang semua sedang menderita penyakit kusta lepas tu tak ada orang nak tolong korang macam mana?. Sedih tak?. Cuba bayangkan macam mana perasaan korang masa tu?. Prihatin sikitlah dengan perasaan orang!."

Keempat-empat kru cuba mengamati kata-kata yang terpancul keluar dari bibir Alang tadi sejenak sambil mengurut kening masing-masing.

"Lain kali pasti lebih baik!."

"Bang!. Ada kapal lagi!!."

"Nah....kan?. Itu namanya rezeki!! Lintong!. Merapat!!."

"Ditanggung beres!!!."

Alang mengangguk optimis.

"Bismillah ya semua semoga kita dapat keberkatan dari hasil rompakan ini." Ujar Alang yang gagal memahami beza di antara keberkatan dan merompak.

Geng Kunyit merapat di tepi kiri kapal sasaran.

"Wah kali ini kita mesti masyukkk!!!. Pecah telur kita hari ni, demi Lanun Meee-!."

BOMMMMMM!!!!

Sisi kiri kapal mereka ditembak dari jarak dekat oleh meriam kapal lawan.

Beberapa jam kemudian....

"Lintong!, kenapa kau tak cakap yang kapal tu ada meriam hah?." Tanya Alang kepada salah seorang kru kapalnya. Mereka sedang mengepung bersama, memegang serpihan kayu.

"Abang tak ada tanya pun!." Jawab Lintong, memancarkan riak wajah dungunya itu.

"Aduh Lintong!. Kenapalah kau ni bangang sangat hah?. Ini kan pengetahuan umum para lanun. Peraturan pertama dalam merompak, hindari kapal yang ada meriamnya. Aceng, cuba kau jawab kenapa?."

"Kerana meriam itu adalah senjata api kelas kapal besar yang boleh membuatkan kapal kayu yang kecil jadi hancur seperti kuih cucur badak." Jawab Aceng bersemangat, layaknya seperti seorang murid terpintar dalam sebuah pertandingan pidato.

"Terima kasih Aceng."

Suren mengangkat tangan, tidak ingin kalah dengan Aceng.

"Kerana jika peluru meriam terkena kepala, kepala kita boleh melayang terbang ke mana-mana."

"Hah tengok tu!. Aceng tahu, Suren pun tahu tapi kau Lintong, takkanlah benda mudah macam tu pun kau tak boleh nak fikir?. Guna otaklah Lintong."

"Mungkin Lintong dah tak ada otak kot bang."

"Adalah, saya masih ada otak." Seru Lintong, terdengar sakit hati.

"Hari ni pecah telur, tidak tapi pecah kapal, ya." Gerutu Abbas.

"Ahhh sudahlah!!." Gerutu Alang.

"Kapalnya dah jauh bang. Kita patah balik sajalah ke kapal kita." Ajak Suren.

Kelima-lima lanun itu kemudian berenang kembali mendekati kapal Geng Kunyit yang telah hancur. Alang dan krunya segera memeriksa seberapa parah kerosakan kapal tersebut. Bahagian kiri dari kapal tersebut memang rosak, mujurlah di bahagian yang lain tidak terlalu banyak mengalami kerosakan. Kapal itu masih dapat menjalankan fungsinya untuk mengapung dan berlayar.

"Habis tu, sekarang ni kita nak ke mana?."

"Sinciapo." Jawab Alang, lesu.

Bukan hari yang baik untuk Geng Kunyit.

Sibuknya Seorang Kapten

Pulau Onrust ramai sekali pagi itu kerana kedatangan pegawai-pegawai V.O.C dan para isteri. Sosok paling penting pada hari itu adalah Speelman yang mengadakan rapat umum khusus. Sebuah rapat umum di Pulau Onrust memang tidak biasa kerana pulau ini terlalu kecil untuk menjadi tapak pemerintahan ataupun kehidupan sosial. Pulau Onrust hanya berfungsi untuk menjadi tempat persinggahan sementara kapal dagang. Namun kali ini, pengecualian diberikan kerana hari ini akan diadakan majlis penyerahan rasmi kapal pemburu ikan paus yang telah dibeli oleh V.O.C Batavia.

Speelman berdiri di bawah pohon kelapa, sedikit jauh dari lokasi majlis diadakan. Pada rapat umum petang itu, dia masih menyempatkan diri untuk mengadakan satu pertemuan rahsia. Lelaki tua di hadapannya itu adalah Albert, seorang ahli arkeologi ternama dari Belanda yang telah beberapa tahun menetap di Batavia. Ramai gabenor dari pejabat V.O.C tidak menerima kehadiran ahli arkeologi dengan baik. Hal ini disebabkan oleh seorang arkeologi hanya dianggap sebagai pekerja yang menghabiskan wang. Dari segi perniagaan, pekerjaan ini hanya akan menyedut dana V.O.C. namun Speelman lain dari yang lain. Tidak hanya sekadar menerima Albert bahkan dia juga turut memastikan bahawa segala yang Albert perlukan akan disediakan walaupun ia harus keluar dari poketnya sendiri. Alasannya sudah jelas, hanya arkeologi seperti Albert dapat menolong Speelman mendapatkan maklumat-maklumat mengenai harta yang tersimpan. Albert tampak bersemangat saat menceritakan ekspedisi terakhirnya.

"Demikianlah ceritanya."

"Wahhh....sangat menyeronokkan."

"Ya kapten, selalu menyeronokkan apabila datang ke tempat-tempat bersejarah dari kerajaan tempatan. Ada seribu satu cerita. Belajar tentang masa lalu mereka. Peradaban mereka pernah maju ya sampaikan mereka mampu membina bangunan-bangunan batu seperti itu dan selalu ada penemuan menarik setiap kali saya melakukan ekspedisi."

"Apa yang Meneer temukan kali ini?."

Meneer Albert kemudian menceritakan sebuah barang yang dia temukan dalam ekspedisi terakhirnya.

"HmMMM, menarik." Ujar Speelman, mengerutkan dahinya.

"Inilah barangnya, Meneer Speelman." Albert membuka tasnya. Dia mengeluarkan sebuah bungkus dari kain, membukanya dengan perlahan di depan Speelman lalu memberikannya kepada Speelman.

Speelman terdiam. Dalam tujuh tahun terakhir, ini adalah kali ketiga dia melihat rupa barang yang ada di hadapannya.

"Tolong saya satu hal Meneer Albert." Ujar Speelman.

"Apa?"

"Tolong rahsiakan dulu pertemuan ini dari Meneer Besar. Esok pagi, saya akan pergi ke rumah tuan."

"Untuk apa?"

Speelman mendekatkan dirinya pada Albert.

"Saya memiliki sebuah jurnal. Jurnal ini mempunyai bahasa yang saya tak pernah faham dan dari isi jurnal itu, ia memiliki gambar yang sama dengan barang itu."

"Ouhhh."

"Siapa tahu....ah, pasti. Pasti jurnal yang saya miliki itu ada hubungannya dengan barang yang tuan temukan."

"Ya kapten. Tentu. Itu sudah pasti tetapi kenapa tuan belum pernah mencuba mengalih bahasa jurnal yang tuan temukan itu?"

"Kerana saya tak pernah percayakan sesiapa kecuali tuan."

"Dalam beberapa hari ke depan, saya akan pergi ke rumah tuan."

"Baik."

"Nah, sekarang jomlah kita nikmati makanan yang telah terhidang ini."

"Ya, baiklah."

"Meneer Speelman." Seorang budak tempatan menyapa mereka.

"Meneer Besar mencari Meneer Speelman."

"Baik, saya akan segera ke sana."

Gabenor Jeneral Joan Maetsuycker yang biasa dikenali sebagai Meneer Besar, hadir di sana untuk memberikan sokongan penuh kepada Speelman, sang anak emas.

Speelman dan Meneer Besar berdiri di tepi dermaga, menatap kapal pemburu paus itu.

"Nama apa yang tuan mahukan untuk kapal ini?" Tanya Speelman.

Meneer Besar merenung kapal besar itu sekilas.

"Margaretha."

Speelman mengangguk.

"Adakah kapal ini lebih cepat dari kapal-kapal tempur yang lain?. Melebihi Wilhelmina?" Wilhelmina adalah kapal tempur V.O.C yang terpantas pernah mereka miliki. Ruangnya sempit namun cukup kebal untuk diperangi oleh pihak musuh.

"Ya, sama pantasnyanya dengan Wilhelmina. Hanya kurang kekuatan dari segi gerak tempur saja. Kami tidak memasang canon di atas kapal ini tetapi kami memasang tiga pelontar harpun. Di depan itu, di sebelah kiri ini dan di sisi kanan sana." Speelman menunjuk lokasi pelontar harpun.

"Tuan sudah menyediakan perjanjian yang menyakinkan untuk Herren Seventeen?"

"Mulai dari hari ini, kita harus segera mengoperasikannya agar V.O.C segera mendapat keuntungan dari pelaburan besar ini." Ujar Meneer Besar.

Speelman tersenyum kelat. Sebenarnya dia malas mahu melakukan arahan ini. Dia malas mahu melaksanakan impian Gabenor Jeneral untuk membuka industri perburuan ikan paus. Industri yang katanya dapat menghasilkan minyak.

"Percayalah Speelman, kita akan dapatkan keuntungan yang berlipat kali ganda di tahun pertama." Ujarnya yakin.

"Seyakin itu?"

"Ya, saya melihat ada banyak ikan paus di laut timur Nusantara. Mereka begitu kaya dengan ikan paus." Balas Meneer Besar.

Speelman terdiam. Dia hanya mengangguk.

"Mari kita mulakan prosesnya." Meneer Besar menuju ke arah rapat umum.

"Baiklah."

1672, dua tahun yang lalu;

Kepada yang Terhormat, Heeren Seventeen

Setelah kejayaan V.O.C mengalahkan Kesultanan Makassar, V.O.C sudah meletakkan benderanya di setiap jengkal tanah dari barat sehingga ke timur Nusantara. Setiap jengkal tanah ini, kita tumbuhkan kekayaan alam yang kita jual dan menjadi keuntungan kita.

Ada satu lagi kesempatan emas yang tidak boleh kita sia-siakan. Suatu hari, saya telah mengadakan kunjungan untuk inspeksi retorasi Fort Rotterdam 18. Dalam perjalanan saya menuju ke Timur, saya melalui sebuah suku di tanah Nusa Tenggara. Suku yang primitif dalam segala aspek namun memiliki satu kelebihan yang menyamai orang Eropah. Mereka memiliki lampu dari minyak. Sumber minyak itu berasal dari paus yang hanya berada di perairan Nusa Tenggara. Laut di wilayah Nusa Tenggara adalah lalu lintas migrasi paus. Selama ini, kita tahu bahawa untuk penerangan malam hari, Belanda dan semua negara Eropah masih menggunakan kayu atau membeli minyak paus dari G.W.I.C di Amerika. Kini, kita boleh memiliki potensi pasaran yang sama.

Maka dari itu, saya memberi cadangan kepada Heeren Seventeen untuk menyediakan satu kapal pemburu paus–dan dikawal selia di bawah V.O.C Batavia.

Mohon agar cadangan ini dipertimbangkan.

Hormat saya,

Joan Maetsuycker

Gabenor Jeneral untuk V.O.C

Kasta adalah satu hal yang paling penting dalam kehidupan sosial di Kota Batavia.

Mempamerkan darjat kasta adalah hal kedua yang paling penting. Bagi wanita atau isteri pegawai, jumlah budak yang menemani mereka ketika berjalan akan memperlihatkan level kekayaan diri. Biasanya, isteri pegawai yang terkaya dan tertinggi akan ditemani oleh seorang budak yang akan memayunginya ketika berjalan, seorang budak lagi untuk mengangkat bahagian belakang gaunnya, seorang budak untuk berjalan di hadapan bagi menyingkirkan kotoran yang ada di depannya dan 1-3 orang budak membawa barang-barangnya. Akhir sekali adalah seorang budak yang akan memegang satu bekas sebagai tempat untuk membuang kunyahan sirih dari sang isteri pegawai.

Untuk para lelaki atau pegawai dari jabatan V.O.C., mereka akan disediakan kuda penarik kereta. Ini menunjukkan seberapa tinggi atau seberapa kayanya mereka. Jumlah kuda menjadi simbol kerana ia diperlukan di tanah yang luas dan biaya yang begitu besar bagi memelihara kuda-kuda tersebut. Bukan orang sembarangan yang dapat memiliki kekayaan seperti itu.

Sebuah kereta kuda memecah jalanan berbecak sehingga tempiasnya mengena beberapa orang budak yang sedang berjalan. Kereta itu ditarik oleh tiga ekor kuda, membelok memasuki daerah Riswijk. Semua orang yang melihatnya sudah mengetahui bahawa kereta tersebut adalah milik Kapten Speelman. Hanya ada satu orang yang jumlah kudanya lebih banyak iaitu Meneer Besar dengan empat ekor kuda. Kereta kuda Speelman berhenti di depan kediaman Meneer Albert. Tidak perlu menunggu lama, sehari setelah rapat umum itu diadakan, dia segera datang menemui sang arkeologi pada pagi itu.

Speelman turun dari kereta kuda itu, disambut oleh beberapa orang budak Meneer Albert. Dia bergegas masuk ke dalam rumah.

"Welcome Meneer." Sapa sang arkeologi.

Speelman membalas dengan senyuman.

"Bolehkah kita bercakap di tempat yang hanya ada kita berdua?"

"Tentulah. Jom ikut saya." Meneer Albert mengajaknya masuk ke dalam ruang kerja.

Tanpa perlu berbasa-basi, Speelman terus mengeluarkan jurnalnya sementara Albert pula mengeluarkan barang temuannya. Di atas meja kerja Albert, mereka melihat benda yang dimaksud.

"Luar biasa." Ujar Albert.

"Benda yang sama kan tuan?" Ujar Speelman.

"Ya, benda yang sama kapten."

"Saya pernah melihat benda yang sama."

"Di mana?"

"Dipegang oleh Sultan Amangkurat."

"Hummm menarik. Ini adalah aksara Jawa Kuno. Menarik sekali."

"Ohh ya?. Adakah tuan mengerti dengan apa yang ditulis di dalam jurnal ini?"

"Hummm." Albert meneliti jurnal itu halaman demi halaman.

"Maaf, saya kurang fasih tapi kalau tuan nak tahu, John pasti mengerti dengan makna tulisan ini."

"John?. Siapa John?. Adakah dia juga adalah seorang ahli arkeologi?"

"Bukan. Torjono. Dia budak saya tuan."

“Adakah budak itu dari golongan yang terpelajar?” Speelman seolah-olah meremehkannya.

“Well, dia mungkin bukanlah dari golongan yang terpelajar, bukan berasal dari sekolah berpendidikan Eropah tetapi dia sangat faham dan mengerti akan aksara dari suku dia berasal. Jawa. Dia yang bantu saya untuk mengalih bahasa ketika saya melakukan ekspedisi.”

“John, Torjono?. Adakah dia adalah orang yang boleh dipercayai?”

“Boleh kapten. Saya sangat percaya padanya.”

“Baiklah, kalau macam tu saya perlukan bantuan dia Meneer Albert.”

“Baik.”

“Saya perlukan bantuan dari tuan dan Torjono untuk menterjemahkan apa yang ditulis di dalam jurnal ini. Saya ingin tahu apa isinya. Mungkin saja harta karun.”

Albert mengangguk. Di antara redupnya lilin-lilin dari kamar kerja, mereka bersalaman.

Jangan Menoleh Ke Belakang

"Kalian tidak boleh menoleh ke belakang." Pesan Galuh kepada Arang dan Bara, saat mereka berada di tepi tasik.

Tasik kecil itu masih jernih. Biasa menjadi tempat minum kijang dan haiwan lain, terletak jauh di dalam hutan yang menghijau. Daun-daun berkemilauan memantulkan sinaran matahari. Sepi. Keberadaan mereka bertiga hanya ditemani kicauan burung.

Galuh masuk ke dalam tasik itu sehingga air setara di pinggangnya. Dia membuka pakaian atasnya kemudian balutan coklat yang sudah beberapa hari dipakainya. Ia mula dilepaskan. Dia ingin mandi. Mereka sudah belayar hampir satu minggu dari Pulau Sangeang menuju ke Banyuwangi. Mereka juga turut mencuri tiga ekor kuda lalu berpacu menuju Barat tanpa henti. Tanpa banyak istirehat, hanya ada waktu untuk makan dan tidur. Tidak untuk yang lain.

Hari ini, dia meminta kepada kedua-dua rakannya untuk mandi. Mereka mencari mata air di dalam hutan yang sedang mereka lalui. Galuh merenung ke depan. Dua orang rakannya juga turut mandi sambil membelakangkan Galuh. Walau bagaimanapun, dia adalah seorang wanita. Dia tidak menyangka bahawa tugas yang baru dia mula jalani ini mengharuskan dia untuk meninggalkan banyak hal. Terlalu banyak. Mempercantikkan diri saat mandi adalah satu-satunya hal wanita yang tersisa dan masih dapat Galuh lakukan sekarang.

Sebenarnya, sewaktu kecil Galuh sudah tahu bahawa ayahnya bukan orang sembarangan. Ayahnya juga adalah seorang pahlawan. Apa yang dia ingat, hanya dua hal yang biasanya ayahnya lakukan iaitu menghilang berbulan-bulan atau melatih Galuh akan ilmu bela diri saat ayahnya itu pulang. Beberapa belas purnama lalu, pada suatu siang saat Galuh sedang bercucuk tanam, Rusa Arang datang ke rumahnya. Galuh melihat ibunya menangis. Ayahnya tidak kembali kerana gugur ketika menjalankan tugas. Namun sesungguhnya, Galuh sudah memiliki firasat bahawa ayahnya tidak akan pernah kembali lagi. Tiga malam sebelum Rusa Arang datang dan menyampaikan berita itu, seorang lelaki telah datang menemuinya melalui mimpi.

Galuh berada di dalam hutan, bermain bersama arnab. Arnab itu berlari di balik sebuah pohon. Galuh mengejarnya dan di sana, dia menemukan seorang lelaki yang agak berumur,

duduk di atas akar perpohonan. Lelaki itu tersenyum baik hati. Tidak memberikan kesan seperti jin atau makhluk jadian. Dia memakai paku bahu yang biasa dipakai oleh ayahnya. Entah bagaimana caranya, Galuh tahu, lelaki di hadapannya itu pasti memiliki pertalian darah dengan dirinya.

"Sinilah nak." Lelaki itu tersenyum.

"Pak cik ni siapa?"

"Panggil saja Atuk Kapuk."

"....."

"Jangan takut!!."

"....."

"Tugas kamu akan bermula nak."

"Tu....tugas?...tugas apa?"

"Tugas berat nak. Terimalah tugas ini ya." Dari telapak tangan sang atuk, sebuah cahaya biru keluar, kemudian dia memberikan tangannya. Hendak memberi salam.

Entah mengapa, Galuh menerimanya.

"Ayahmu adalah seorang pahlawan dan keturunannya akan mewarisi sifat kepahlawanan itu. Bukan semua tetapi atuk tahu, kamu terpilih nak."

"Kamu belajar ya nak."

"Belajar sendiri..."

"Ayahmu harus pergi...."

"....."

Galuh menerima cahaya itu. Sebuah ilmu sakti. Lelaki itu meredup, perlahan, dia menghilang dari mimpi.....

Galuh tahu apa yang berikutnya terjadi. Ayah selalu mengingatkannya akan sebuah ikrar yang keluarganya harus laksanakan. Bahawa, jika suatu hari nanti saat seorang ayah meninggal dunia maka tugas suci dari seorang ayah yang bergelar pahlawan akan jatuh ke tangan anak lelaki sulung. Jika tidak ada anak lelaki maka anak perempuan yang paling sulung. Itu adalah Galuh. Ini adalah janji yang dibuat oleh 6 orang pahlawan yang terbang. Sekitar empat ribuan purnama lalu. Galuh Puspa, Bara Angkasa dan Rusa Arang, masing-masing adalah dari keturunan 6 pahlawan tersebut. Keturunan inilah yang tersisa dan harus menyelesaikan ikrar itu. Kini, tugas yang begitu berat harus digalas oleh mereka bertiga-kerana yang lain sudah gugur terlebih dahulu.

Sebenarnya, Galuh ingin kembali ke masa sebelum menjadi pahlawan. Galuh rindu akan dirinya yang gemar bercucuk tanam dan mengayam tikar. Mendengar tawa dari orang sekelilingnya. Baginya, tugas ini-juga Abang Arang-sangatlah serius.

Arang dan Bara berendam di dalam tasik setinggi paras pinggang mereka. Mereka memilih duduk, membiarkan air membenamkan tubuh mereka sehingga ke paras dada. Segarnya bertemu dengan air jernih.

Ada seribu satu hal yang singgah di dalam benak Arang. Beberapa orang pahlawan gugur tanpa sempat mengajarkan anak mereka akan ilmu bela diri yang mampan dan kesaktian yang mereka miliki. Dari pahlawan yang tersisa, hanya Arang yang menguasai beberapa ilmu tenaga dalaman. Hanya Galuh yang mewarisi indera keenam. Pemuda di sampingnya tidak diwariskan atau diajarkan apa-apa oleh sang ayah. Selama mereka menggembara bertiga, Arang selalu mengejar waktu untuk menyelesaikan misi atau menghabiskan waktu mengajarkan ilmu. Ya, waktu adalah sesuatu yang mereka tidak miliki. Di titik itulah, mereka berada. Hanya bertiga, harus menyelesaikan misi dengan ilmu dan kesaktian yang jauh lebih sedikit berbanding pendahulu mereka.

Para pendahulu yang lebih sakti saja pun boleh gugur inikan pula mereka bertiga?. Gumam Arang.

Belum lagi fikirkan akan Galuh. Betapa Arang menginginkan takdir yang berbeza untuk dirinya dan Galuh. Berpuluh tahun menjadi pahlawan, Arang selalu fokus pada tugasnya

menjadi pahlawan. Sejak kedatangan Galuh, buat kali pertama, timbul keinginan di hatinya untuk menjalani kehidupan seperti orang normal. Berkeluarga dan bertani.

"Abang, menurut abang, apakah mungkin kita dapat menyelesaikannya?. Hanya tersisa tiga hari dari kita." Tanya Bara, memecahkan lamunannya.

Rusa Arang terdiam agak lama.

"Boleh. Kita pasti boleh." Ujarnya ringkas. Sejujurnya, dia tidak tahu. Dia tahu, dia bukanlah seorang pemimpin yang baik namun semua pahlawan yang lebih tua, lebih bijak, lebih hebat darinya telah gugur. Termasuk ayah Galuh dan ayah Bara sendiri.

Dulu, Arang adalah pahlawan yang paling muda dan ayah-ayah dari kedua-dua pahlawan muda ini adalah pahlawan senior yang sangat Arang hormati dan teladani. Sekarang, Aranglah pahlawan yang tertua, tersakti dan terhebat dari mereka bertiga.

"Bara, kamu sudah buat latihan tenaga dalaman?"

Bara menggelengkan kepala.

"Kamu harus lakukan latihan itu Bara. Ikuti gerakan ini." Arang merentangkan gerakan mendorong air dengan kepalan tangan.

Dengan pantas, Bara mengikuti gerakannya.

"Jika kamu sudah terlatih mengendalikan tenaga dalamanmu...."

"Maka saya akan lebih cepat belajar jurus tenaga dalam dari abang...."

Arang mengangguk.

"Saya pernah melihat abang mengeluarkan Kepal Dalam. Saya juga pernah melihat abang mengeluarkan Sesak Wedhus. Pernah mengeluarkan keduanya sekaligus, benar kan abang?."

"Boleh muntah darah jika terlalu memaksakannya seperti itu."

"Selepas ini, kita ke mana bang?."

“Kita harus mendatangi seseorang. Beberapa belas tahun yang lalu, dia menjawat jawatan sebagai temenggung. Setelah selesai mengabadikan diri pada istana, dia membuat keris. Namanya Mpu Jala.”

”Memang itu adalah jalan terbaik yang dapat kita cari. Dari orang-orang yang dulunya mengabadikan diri pada istana. Merekalah yang tahu ke mana saja pusaka-pusaka itu tersimpan.”

“Jika dia tidak tahu?.”

“Maka kita tak akan pernah tahu di mana pusaka ke-9 itu tersimpan. Kita sudah kehabisan orang untuk bertanya. Mereka semua sudah mati. Baik dimakan usia atau di hujung belati ayah-ayah kita!.”

“Kenapa kita tak ambil pusaka yang kita sudah tahu tempatnya di mana?.” Tanya Bara, merujuk kepada pusaka yang ke-10.

“Istana Mataram itu terlalu sukar untuk ditembus. Sudah ramai, ayah dan abang-abang kita yang gugur ketika berusaha cuba menembusnya. Selama ini, tidak ada yang pernah berjaya melakukannya.”

“.....”

“Kita cari dulu apa yang kita dapat cari. Yang lebih mudah dulu, Istana Mataram, kita fikirkan kemudian.”

“.....”

“Hei!! Jangan toleh ke belakang!!.” Rusa mengingatkan Bara.

”Ehhh lupa bang.” Balas Bara.

Ada hening sejenak di antara mereka.

”Bara, setelah semua ini selesai, apa yang kamu ingin lakukan nanti?.” Tanya Rusa Arang.

"Saya ingin kembali ke Banyuwangi bang. Buat perahu. Itu keinginan saya." Bara tersenyum.

"Kalau abang sendiri pulak macam mana?"

"Aku....." Dia terdiam sebentar lalu menatap Bara.

"Aku ingin menikahi Galuh."

Ada hening lagi di antara mereka berdua.

"Ohhh begitu." Balas Bara.

"Menurut kamu bagaimana?."

"Ya, bagi saya, abang dengan Galuh sangat sepadan. Macam pinang dibelah dua. Saya tumpang gembira mendengarnya." Bara tersenyum sambil menepuk bahu Rusa Arang.

"Bara, aku nak minta tolong sikit."

"Tentu saja bang. Abang nak minta tolong apa?."

Arang terdiam beberapa saat.

"Tolong tanyakan pada Galuh, apa yang dia rasakan terhadap aku."

"Ohh, baik bang."

Malamnya, mereka bertiga berbaring di sisi unggun api, di pinggir tasik sepi itu. Mereka bertiga melihat bulan yang sudah membulat.

Dengan air muka yang penuh cemas, Rusa Arang terdiam.

"Kenapa bang?." Tanya Bara Angkasa.

"Kita kena cari dua pusaka terakhir secepatnya."

"Purnama itu...." Rusa Arang menunjuk ke arah bulan di dada langit.

"Itu adalah purnama sumendhi!."

Pengikut Lanun Merah Yang Amnesia

Kisah hidup Alang Kelana cukup misteri. Satu-satunya yang dia ingat tentang dirinya adalah sebuah mimpi. Sewaktu kecil, Alang bermimpi didatangi oleh Lanun Merah yang dikatakan bahawa Lanun Merah telah menitipkan kepakarannya kepada seluruh lanun yang menjadi pengikutnya menyebabkan Alang tidak pernah merasa terhina oleh puluhan penolakan. Alang tumbuh dengan rasa percaya diri yang tinggi, yakin bahawa satu-satunya alasan kenapa wanita selalu menolaknya adalah kerana mereka tidak ingin mati cemburu saat menjadi isteri Alang.

Setelah mimpi itu, dia terbangun di tengah-tengah sawah padi di Bandar Cirebon, tanpa ingat siapa dia, dari mana dia berasal dan siapa orang tuanya. Menurut cerita orang tua angkatnya, mereka melihat Alang berjalan kaki di pinggir hutan, penuh luka di badan dan kesan hentakan di kepala kemudian jatuh pingsan di pinggir sawah mereka. Di titik itulah, sepasang petani tersebut telah mengambil Alang sebagai anak. Mereka memberinya nama, Alang Kelana. Alang bererti lelaki, kelana bererti yang berjalan. Saat masih kecil, dia sangat bangga dengan nama Alang Kelana ini. Namun sekarang, setelah 5 tahun berkelana tanpa tujuan dan hampa dalam pencarian jodoh, dia baru sedar bahawa namanya tidak membawa sebarang erti. Lelaki yang sudah berumur 30 tahun tetapi masih bujang dan hidupnya terumbang ambing tanpa arah tujuan yang jelas.

Orang tua angkat Alang mempunyai empat orang anak kandung. Keempat-empat mereka tidak membenci Alang tetapi tidak juga mencintainya. Selama 15 tahun bersama, Alang selalu diingatkan bahawa dia bukan sebahagian dari keluarga mereka. Tidak berhak atas warisan sawah yang luasnya hanya sekangkang kera itu.

Ibu bapa angkatnya meninggal dunia sejak Alang berumur 25 tahun. Itu adalah 5 tahun yang lalu. Di saat itu, Alang memutuskan untuk pergi meninggalkan saudara angkatnya dan mengembara di lautan sepi. Saat saudara angkatnya itu bertanya ke mana Alang akan mengembara, dia akan menjawab; ke mana saja sesuai bisikan Lanun Merah. Saudara angkatnya dengan penuh sedar menganggap bahawa Alang ini sudah gila dan membiarkannya pergi dengan ikhlas.

Saat kru kapalnya bertanya buat pertama kali ke mana Alang akan mengembara, dia akan bercerita mengenai Lanun Merah yang datang ke dalam mimpi dan meminta untuk pergi ke arah Timur. Para kru dengan penuh sedar tahu bahawa Alang ini sudah gila dan membiarkan saja dia bercerita. Pengembaraan pertama Alang dimulai di Bandar Palembang, di sebuah tempat pelabuhan kapal Wei Tang Fong. Alang mengambil langkah strategik untuk keluar dari sana, setelah tempat itu habis terbakar. Peristiwa kebakaran itu juga menjawab segala pertanyaan mengarut ke arah Alang pada suatu hari, saat dia sedang menyalakan rokok.

"Alang, kenapa kau nyalakan rokok dekat dengan kawasan cerombong asap ini??"

Jika sedang mendekati para gadis di pekan, tanpa ditanya, Alang akan bercerita bahawa Lanun Merah datang lagi ke dalam mimpinya dan menyuruh dia berlayar ke arah Timur. Para gadis di pekan itu dengan penuh sedar akan menganggap Alang ini mengalami sakit jiwa dan membiarkan Alang bercerita tentang pengembaraannya yang kedua, iaitu saat dia bekerja di sebuah gudang kapal terkenal bernama Ling-Ling Cing. Gudang Ling-Ling Cing selama ratusan tahun berperanan dalam menyiapkan kapal-kapal yang terbengkalai. Setelah Alang bekerja sebagai budak pengetam kayu, entah kenapa semua kapal yang ada di bangunan Ling-Ling Chin selalu tenggelam. Acara menghalau hantu sudah dilakukan tetapi tidak berhasil. Semua pegawai atasan mula menaruh curiga dan menganggap Alang adalah penyebab kesialan. Mereka mendakwa roh Ling-Ling Chin yang bernama Ling-Ling Tong terpaksa bangkit dari kuburnya dan membuatkan Ling-Ling Chin dihantui dan mengatakan penyebab di balik kejadian ini adalah Alang. Di depan semua orang sambil berkata;

"Ini dia orang bodoh yang telah membawa sial dalam hidup kita!!."

Episod ketiga dari Alang Kelana, jika ada yang pernah bertanya (dan menyesal) adalah Alang mendakwa bahawa Lanun Merah menyuruhnya untuk pergi ke laut Timur. Ini sebabnya Alang sampai di Bandar Makassar sebagai seorang buruh kasar dan bekerja di dalam kubu bangunan Kesultanan Gowa yang kini telah menjadi milik V.O.C. iaitu Kubu Rotterdam. Entah mengapa, dinding kubu itu selalu runtuh. Alang merasa ketampanan dan kecerdasan yang dimilikinya menyebabkan pekerjaan sebagai buruh kasar itu tidak layak buat dirinya. Lalu, dia memutuskan untuk mencuri sebuah kapal kemudian berlayar bebas.

Dalam perjalanannya, Alang telah melatih para kru kapalnya. Kebetulan, kru kapal Geng Kunyi yang dilatihnya juga tidak kalah aneh darinya.

Ada Aceng, orang etnik Tionghua yang bergabung dengan Alang kerana dia telah putus asa dalam mencari kerja. Ada Abbas, orang Badwi yang pernah Alang selamatkan dari kekejaman V.O.C. Abbas adalah anak peranakan Yamen, maka dia juga boleh disebut sebagai Badwi Yamen.

Ada suren, bekas hamba abdi dalam Istana Mataram yang dihukum mati dengan cara dibuang ke tengah Laut Jawa kerana lupa membersihkan kandang kuda.

Ada Lintong, dia adalah anggota paling baru di atas kapal Geng Kunyi. Lintong adalah seorang pemuda dari Siantar yang awalnya begitu mengidolakan Alang–dan segera menyedari bahawa ternyata dia salah.

Demikian, empat kru Geng Kunyi.

Suram.

Surat Dari Sultan Amangkurat

Burung berkicau di atas pohon-pohon yang berjajar di Stadhuisplein, lapangan dari Gudang Stadhuis.

"Peter! turun Peter!! mak cik takut!!." Teriak mak cik tua itu ke arah anak kecil yang berumur 5 tahun. Anak Belanda itu sedang memanjat pohon di dalam kawasan lapangan.

"Tak nak!!."

"Peter! turun Peter!. Nanti mak cik kena marah dengan Tuan Besar!!."

"Mak cik!!.. Tengok ni!!.. Peter dah tinggi!!."

"Ya, mak cik tahu Peter tinggi. Peter kuat!. Boleh mak cik minta Peter untuk turun sekarang?."

Anak kecil itu melompat turun lalu memeluk pengasuhnya dengan erat.

"Peter nak bertemu dengan papa." Ujar anak kecil itu, menunding ke arah pejabat milik Meneer Besar.

"Papa sedang kerja. Peter nak makan gula-gula?. Nak?."

Anak kecil itu mengangguk. Pengasuh tadi mula mendukung anak Belanda itu layaknya seperti anak sendiri lalu berjalan menuju ke pasar, menjauhi Stadhuis.

Gudang tersebut adalah ibu pejabat V.O.C yang bukan hanya mengawal atur sektor perdagangan di Batavia tetapi turut meletakkan semua perbendaharaan syarikat di bawah bendera V.O.C- yang lojinya dapat ditemukan dari hujung barat selatan dunia, di Tanjung Harapan sehingga ke timur utara di Nagasaki, Jepun. Semua loji itu berada di bawah tanggungjawab dan kuasa Meneer Besar di Batavia. Dia sendiri, hanya tunduk pada Ketua Heeren Seventeen di Belanda.

Kapten Speelman berada di ruang kerja Meneer Besar untuk mesyuarat harian mereka pada pagi itu. Hari ini, mereka dikunjungi oleh seorang tetamu khas iaitu Sojitno Mangkusubroto, ketua pengawal dalam Kesultanan Mataram. Ketua pengawal itu membaca surat rasmi dari

Sultan Amangkurat I. Selama utusan kerajaan itu membaca surat, Meneer Besar dan Kapten Speelman saling melirik dan menahan senyum.

"Demikian surat ini saya tulis dengan sebenar-benarnya,

Hormat saya,

Sultan Amangkurat I

Sultan dari Kerajaan Mataram

Ketua pengawal kemudian melipat surat tersebut lalu merenung ke arah Meneer Besar.

"Jadi bagaimana Meneer?."

Meneer Besar dan Kapten Speelman saling membalas pandangan dan kali ini....

"Hahahahahahahahaha!!!" Kedua-dua orang Belanda itu tertawa terbahak-bahak sambil mengusap dahinya berkali-kali.

Kepala ketua pengawal menahan warna merah di muka.

"Jadi itu maknanya, sultan kamu mahu meminta bantuan militer dari V.O.C untuk menumpaskan pemberontak?. Macam tu?."

"Ya, Meneer."

"Hahahahahahahahaha!!."

"Bagaimana Meneer?."

"Seharusnya saya yang menanyakan soalan itu kepada kamu. Bagaimana jika kami mengerahkan pasukan militer untuk kerajaan kamu, apa yang kami akan dapatkan?."

"Persekutuan dari kami, kerajaan terkuat di Pulau Jawa."

"Paling kuat kamu kata?.Menumpaskan pemberontak pun kamu minta tolong bantuan dari kami!!!. Hahahahahahahahaha." Meneer Besar itu kembali tertawa. Sesaat kemudian, tawa mereka mereda kemudian mempamerkan air muka yang agak serius.

"Sampaikan kepada sultan kamu bahawa V.O.C adalah sebuah perusahaan yang mencari keuntungan dan bukannya sebuah negara atau koloni seperti orang Portugis atau Sepanyol. Pasukan kami adalah pegawai perusahaan yang kami bayar. Kami tidak berniat untuk masuk dan ikut campur ke dalam pertikaian yang kesultanan kamu alami. Tolong sampaikan itu kepada sultan." Ujar Meneer Besar.

Speelman mengangkat tangan, sebagai isyarat halus kepada Meneer Besar.

"Atau....maaf tuan.."

"Atau apa?"

"Atau kita boleh memberikan 100 keping emas milik V.O.C lalu menukarnya dengan entahlah barang pusaka milik Kesultanan Mataram mungkin." Cadang Speelman.

"Hummm tak perlu!." Meneer Besar membantah cadangan Speelman lalu mengalakan kembali perhatiannya kepada utusan Sultan.

"Kamu dah mengerti dengan penjelasan saya tadi?. Baik, bagus!. Sekarang tolong keluar!."

Utusan Sultan Mataram itu mengundur diri, keluar dari ruangan. Meneer Besar merenung ke arah Kapten Speelman.

"Apa yang sedang kamu fikirkan kapten?"

Speelman memajukan badannya.

"Menurut saya, adalah sebaiknya kalau kita membantu istana..."

"Dan apa untungnya untuk kita?"

"Mereka adalah kerajaan yang muflis. Itu bukanlah satu idea yang baik-"

"Tapi-"

"Perbincangan kita selesai di sini."

Speelman mengangguk.

Sultan Amangkurat I bukanlah figura yang dicintai rakyat. Satu pemberontakan sedang berlangsung yang dipimpin oleh seorang anak muda dari Madura yang bernama Untung Surapati, yang menconteng nama sultan dan lebih menyakitkan hatinya lagi adalah, majoriti rakyat menyambut baik pemberontakan itu. Pemberontakan harus dibasmi. Tidak ada tawar harga. Namun sayangnya, kekuatan tentera antara pasukan kerajaan dan pasukan pemberontak sama kuat dan sama besar. Sama-sama bersenjatakan tombak dan pedang. Sultan memerlukan pasukan yang memiliki kemampuan senjata api. Dia memerlukan pasukan ini dalam jumlah yang besar.

Namun ketua pengawal pulang dengan tangan hampa.

Mpu Jala

Rumah milik pembuat keris itu sangat sederhana. Terletak di pinggir hutan, jauh di sebelah barat, jauh dari hiruk-pikuk kota Semarang. Itu memang tipikal kehidupan pembuat keris. Sendiri, terasing dan sepi kerana menempa logam untuk membuat keris memerlukan daya fokus yang tinggi. Hanya ada satu masalah dengan gaya hidup seperti itu, saat ada yang membunuh mereka, tidak ada yang dapat menolong.

Mpu Jala, mantan temenggung istana itu sudah tua. Suatu hari, dia menerima kedatangan tetamu yang tidak diundang. Ringkasnya, saat ini dia sedang menghadapi kesulitan untuk berjalan akibat sang tamu. Dia mengheret dirinya, merangkak di lantai rumah, di antara palu dan perkakas lain yang sudah berselerakan.

"Abang, perlukah seperti ini?." Tanya Bara pada Arang. Rusa Arang tidak menjawab.

"Aku tak tahu apa-apa." Ujar atuk tua itu.

"Cuba kau ingat semula!!." Arang kembali menendang perut Mpu Jala. Lelaki tua itu mengadu kesakitan lagi.

"Sungguh!. Aku tidak tahu di mana barang itu tersimpan!!."

"Kau ingin melihat dunia ini hancur?. Begitu?!" Tanya Rusa Arang.

" Demi janji kau pada istana, kau rela?!"

"Mungkin kau boleh berbohong pada mereka, pada ayah-ayah kami tapi bukan dengan kami. Kami tak akan dapat kau bohongi!!."

"Gadis ini!." Teriak Rusa Arang sambil menunding ke arah Galuh Puspa.

"Dia ada ilmu. Dia dapat melihat apa yang kita tak dapat lihat. Beberapa waktu lalu, kami menemukan pusaka ke-8 dari benda itu, dia dapat melihat apa yang pernah terjadi padanya. Dia melihat kau adalah orang yang menguruskan pusaka-pusaka yang selama ini kami cari. Kami harus tahu, apa yang kau tahu!."

Mpu Jala berhenti merangkak dan bersandar pada dinding kayu.

"Aku telah bersumpah kepada raja. Ini bukannya main-main!!."

"Dan kau mengira kami sedang bermain-main?" Tanya Arang. Dia menoleh ke arah Galuh, pantas gadis itu mengerti apa yang harus dilakukannya. Gadis itu membongkok di hadapan Mpu Jala dan memegang tangan kanannya.

Galuh mula melihat bayang-bayang masa lalu Mpu Jala. Seperti sebuah filem, dalam mata putihnya, Galuh terbawa pada 30-35 tahun silam. Saat Mpu Jala masih menjadi seorang pemuda yang gagah.

Sosok yang bernama Jala, memakai seragam untuk Jabatan Temenggung Prajurit Mataram. Dia berada di dalam sebuah hutan tebal. Temenggung Jala memegang sebuah pusaka. Seorang lelaki tua, berumur sekitar 50 tahun sedang berlutut di hadapannya. Penuh dengan luka tusukan dan tikaman. Lelaki yang berlutut itu memakai paku bahu yang khas pada lengannya. Layaknya seorang pahlawan. Rambut putihnya tersingkap dari kiri. Lelaki itu juga memiliki tanda lahir berupa tahi lalat berwarna hitam di leher kiri. Kedua lengannya dipegang oleh 4 prajurit istana. Sementara 4 orang lagi, menghalakan tombak ke arahnya. Di belakang mereka, ada 6 prajurit yang telah mati.

"Jadi kamu adalah pahlawan yang bernama Jalak Harupat?"

"Yang katanya lincah dan tangkas."

"Pahlawan.....yang dari keturunan Ki Medang Dandi?"

"Satu-satunya pahlawan dari Sunda Galuh?"

"Salah satu pahlawan yang terbang."

Pahlawan yang sudah mulai beruban itu, tidak menjawab- mengiyakan sang Temenggung.

"Betapa bodohnya kamu mahu merompak benda ini dari kami sendirian sedangkan kami ramai."

"Akan kamu bawa ke mana?"

Jala tersenyum

"Ke runtuhan Candi Cangkuang"

Jalak harupat, yang bermandikan darah, mengerutkan dahinya.

"Kenapa dibawa ke sana?."

"Kerana kalian, keturunan para pahlawan tidak akan pernah mengira. Pendahulu kita telah menyembunyikannya di Candi Mendut dan Candi Prambanan. Kalian dengan mudah dapat menemukannya kerana kedua candi itu memang ada hubungannya dengan wangsa raja kita.

Jadi kali ini, kita sembunyikan di candi dari wangsa lain. Tidak dapat diduga!."

"Kalau niatnya memang tidak dapat diduga, kenapa kamu menceritakan semua ini kepadaku?."

"Kerana seorang pahlawan tidak akan pernah membocorkan rahsia ini kepada sesiapa pun."

Setelah berkata begitu, Temenggung Jala mengayunkan senjatanya, menusuk jantung sang pahlawan tua. Sesaat kemudian, dia rebah tidak bernyawa.

"Adakah kita perlu teruskan perjalanan ke Candi Cangkuang?." Tanya seorang prajurit.

Temenggung Jala berfikir sejenak,

"Khabarnya Jalak adalah pahlawan terkuat. Khabarnya keluarganya juga berasal dari darah pahlawan dan mereka memiliki kitab. Kitab yang menceritakan hal yang sebenarnya. Sekarang kita harus mencari rumahnya dahulu. Faham?!!"

"Bagaimana caranya Temenggung?."

Temenggung tidak menjawab. Dia hanya berjalan mendekati kuda Jalak Harupat. Temenggung itu membacakan sebuah jampi ke arah kedua telapak tangannya sehingga ia bersinar. Semua prajurit terdiam saat melihat kesaktian itu. Kemudian, Temenggung menghembuskan sinar tersebut ke dalam telinga kanan sang kuda. Temenggung menoleh ke arah semua prajuritnya.

"Naik kuda kalian sekarang dan ikuti kuda ini. Ia akan menuntun kita untuk pulang ke rumahnya."

Tak berapa lama kemudian, Temenggung Jala sampai di sebuah rumah, di sebuah kawasan pedalaman, tidak jauh dari Bandar Cirebon. Tanpa perlu berbasa-basi, dia membunuh seorang wanita yang ada di dalam. Seorang kanak-kanak lelaki, dalam lingkungan usia 5 tahun, berlari mendekat sambil menangis dan berteriak memanggil sang ibu. Di perkarangan rumah, Jala menarik rambut anak kecil itu dan menendang sang anak di seluruh penjuru badan sehingga darah meluak-luak keluar dari kepala sang anak. Jala menghentakkan kepala anak kecil itu dengan senjatanya sehingga anak kecil itu rebah, bermandi darah.

Dia dan para prajurit menyelongkar rumah Jalak Harupat namun mereka tidak dapat menemukan kitab yang ditulis oleh pahlawan. Mereka tidak dapat menemukan apa yang mereka cari.”

”Bakar rumah ini!. Semoga kitab itu juga turut terbakar di dalamnya.”

Selanjutnya, Temenggung melakukan perjalanan menuju ke Candi Cangkuang. Perjalanan melalui rimba tanah Sunda tidaklah mudah. Hutan yang terlalu rapat pepohonnya, tanah yang selalu lembab dan basah, medan yang selalu mendaki dan harimau liar yang begitu banyak berkeliaran.

Dua prajurit tewas diterkam harimau dan satu prajurit tewas kerana luka yang membusuk sebelum akhirnya mereka selamat tiba di tasik Cangkuang, tempat candi itu berada.

Mereka membongkar lantai candi itu, kemudian memasukkan pusaka itu ke dalamnya.

”Candi Cangkuang bang.” Galuh menoleh pada Arang.

”Ayuh, kita ke sana sekarang.”

”Itu rahsia!. Kamu tak boleh.....”

”Tenang orang tua.” Potong Rusa Arang.

”Aku pun setuju, biarlah semua ini kekal menjadi rahsia.” Sambungnya.

Seketika, Rusa Arang menghunuskan kerisnya lalu menikam dada Mpu Jala dan kematian menjemput orang tua itu.

Perbualan Di Pekan

Ratusan tahun yang lalu, Sinciapo sempat menjadi tapak pemerintahan sementara untuk seorang bangsawan Palembang yang bernama Parameswara sebelum baginda tinggalkan dan pindah ke sebuah tempat yang bernama Melaka lalu mendirikan kesultanan di sana. Semenjak ditinggalkan, Sinciapo menjadi pulau tidak bertuan dan tidak berhukum. Menjelma menjadi tempat persinggahan para lanun dan segala manusia yang tidak patuh aturan.

Beberapa hari selepas kejadian yang memalukan itu, kru kapal Geng Kunyit akhirnya selamat tiba di bandar perompak ini. Mereka menghabiskan waktu dua hari untuk membeli kayu (tepatnya berhutang) bagi memperbaiki sisi kiri dari bahagian dek atas yang dihentam oleh meriam. Sebuah kapal berwarna merah berlabuh di sebelah kapal Geng Kunyit. Kapal tersebut terkenal dengan nama Tjin-Tjin, milik seorang perompak terkenal dari Palembang bernama Han Seng.

"Dah beres semuanya?. Dah kan? dah?" Tanya Alang.

"Kalut sangat ni nak pergi mana bang?." Tanya Aceng.

"Ini mesti nak pergi jumpa dengan awek yang jual kuih pau depan dermaga tu kan?."

"Ehhh tak adalah!." Jawab Alang sambil mengalihkan pandangannya dari gadis yang sedang menjual kuih pau di depan dermaga.

"Alaahhh saya tengok dah dekat setahun abang duk try awek tu tapi sampai sekarang abang belum beritahu pun nama dia kat kitaorang."

"Yang itu kan?." Abbas meminta kepastian.

"Tapi kenapa ya dia tu macam tak nak berkenalan sangat dengan aku?."

"Yelah, mungkin dia cuma nak ajak abang bersembang je kot."

"Alahhh tak payah nak fikirkan sangatlah!." Balas Aceng.

"Mungkin juga kerana abang terlalu tampan sebab itulah dia tak berani nak berkenalan rapat dengan abang, takut mati kerana cemburu!."

"Atau disebabkan abang yang terlalu jambu ini menyebabkan dia mula menganggap abang sebagai seorang lelaki yang homoseksual? a.k.a. gay?"

"Ahhh mengerutlah!!."

Terkadang, para kru kapalnya terlalu bebas dalam memberikan kritikan yang tidak membina.

Memang itulah Alang. Ada beberapa aspek penting yang harus dikupas tentang bagaimana Alang membawa dirinya. Tidak seperti perompak lain yang tidur saja sudah cukup menyeramkan. Alang tertidur meringkuk seperti bayi dengan air liur meleleh membasahi bantal. Sementara perompak lain memiliki suara garau yang menggerunkan, suara Alang terdengar cukup halus sehingga orang menyangka dia adalah lelaki pondan. Sementara perompak lain dengan segala kejantanan yang dimiliki bermain dengan wanita, Alang masih selalu gagal merayu mak cik yang menjual jamu di pinggir kota Batavia. Tambahan, mak cik penjual jamu itu buta. Sementara semua perempuan langsung jatuh hati ke pangkuan para perompak, Alang akan memulakan perbincangan dengan perempuan sambil membahas betapa panasnya hari ini, dagangan sang subjek laku atau tidak, menanyakan apakah subjek baik-baik saja, asalnya dari mana, apakah sudah makan ke belum dan terakhir, baru menanyakan adakah sang subjek bersedia untuk tidur dengan Alang. Perempuan-perempuan pesisir pantai begitu mengidolakan pelaut, jelas menemukan Alang sebagai prospek yang tidak menggairahkan. Ringkasnya, lanun pada umumnya adalah satu sosok yang begitu jantan sementara Alang pula adalah lelaki yang sering dianggap pondan.

Perihal lain adalah rasa percaya diri yang terlalu tinggi dan ketrampilannya tidak mendukung rasa percaya diri itu. Alang merasakan dirinya adalah seorang lelaki yang terlalu pintar untuk hidup di zamannya. Dia adalah jenis orang yang menghabiskan waktu-waktu genting dengan 1000 langkah ke depan-dan kehabisan waktu untuk mengambil tindakan. Contohnya, suatu hari kapal mereka mengalami kebakaran;

"Argghhhh kebakaran!!!." Teriak semua kru kapal.

"Bertenang, itu maknanya kita hanya perlukan air!." Ujar Alang.

Ini adalah sebuah hasil analisa yang direspons semua kru kapal dengan berlari-lari panik dan berteriak sambil tangannya diangkat ke atas.

“Kita akan mati!! Kita akan mati!!.”

Sedangkan Alang pula, dia hanya bersahaja seolah-olah kebakaran itu adalah perkara biasa.

Perihal terakhir adalah rasa percaya diri yang terlalu tinggi akan rupa parasnya dan kenyataan, ia jauh panggang dari api. Alang benar-benar percaya bahawa dia adalah seorang lelaki yang kacak- kerana halusinasinya tentang Lanun Merah itu.

Kembali ke dermaga itu, Alang memutuskan untuk turun dari kapal, pergi menghampiri Cici, penjual kuih pau. Perempuan yang kecantikannya itu membuktikan bahawa dia sebenarnya tidak pandai masak. Para kru kapal berhenti dari melakukan kerja-kerja mereka dan memilih untuk menyaksikan lagi satu episod di mana Alang bakal ditolak oleh perempuan.

”Pagi Cici.” Sapa Alang sambil mengambil satu butir pau.

”Pagi.”

”Hummm Cici, jom kita pergi jalan-jalan.”

”Malaslah!.”

”Ci, jangan melawan macam tu. Tak baik.”

”Siapa yang melawan?.”

”Tadi tu?. Itu kenyataan bahawa sebenarnya Cici sukakan saya. Jangan disangkal kenyataan itu Cici. Biarkan saja hasrat Cici untuk memiliki saya terbang bebas.”

”Hah?. Saya rasa awak ni dah gilalah!!.”

”Mulut awak mungkin boleh menyumpah seranah saya Cici tapi mata awak. Di mata awak tu, mata itu tidak mampu untuk berbohong. Saya dapat melihat ke dalam mata itu. Ada cinta di dalamnya.”

”Mana abang?. Kami tak nampak pun!!.”

“Yelah, mana?. Mana?. Kami nak tengok jugak!!.”

Jerit sekumpulan kanak-kanak, yang mula menyemak.

”Ohhh macam tu ya?. Itu yang awak lihat di mata saya?.”

“Ya.”

“Tolonglah Alang. Apa yang ada dalam mata saya sekarang ni bukannya cinta sebaliknya adalah benci. Kebencian terhadap awak.”

“Tapi kenapa?. Kenapa awak bencikan saya?.”

“Awak dah lupa ke dengan kejadian tahun lepas?.”

“Maksud awak, pertemuan pertama kita?. Di saat kita saling jatuh cinta?.”

Cici yang cantik itu mula tersenyum–sambil memegang pisau erat–erat.

“Ya, pertemuan pertama kita.”

“Kita saling jatuh cinta?. Itu tidak akan pernah terjadi. Yang terjadi adalah, kapal buruk awak tu masuk ke dermaga dengan kelajuan yang terlalu tinggi sehingga melanggar gerai saya yang sedang menjual pau di sini.”

“Oh ya saya terlupa pasal hal tu. Humm hah baru saya teringat, dah lama saya tak nampak pak cik awak. Dia apa khabar sekarang?.”

”Dia dah mati.”

”Hah, sakit apa?.”

“Dilanggar kapal.”

“Owhhh.”

“Kapal awak!.”

“Ouhhh.” Alang mengucapkan kata ‘oh’ seperti orang ucapkan ketika mereka baru saja duduk di atas sesuatu yang lembik.

“Jadi sekarang ni saya bencikan awak!.”

”Benci!!.”

”Benci! Benci! Benci! Benci!!!!!!!!!!!!!!.”

“Cici, orang ni ada kacau awak ke?.” Suara seorang lelaki yang sangat jantan bunyinya, menyapa mereka berdua dari arah belakang. Alang dan Cici menoleh. Mereka melihat Han Seng.

”Ohhh Tauke Han Seng....” Sapa Cici dengan mata berpinar penuh cinta.

”Ohhh hai tauke.” Sapa Alang, rasanya ingin terkencing di dalam seluar.

”Ya tauke. Inilah, biawak yang satu ini suka sangat kacau Cici kalau setiap kali dia datang berlabuh ke sini.” Tunding Cici, setelah berlari di balik punggung Han Seng.

”Wuuuuu ada orang bergaduhlah!! Jom kita ke sana!!.” Beberapa anak kapal menyeru kepada orang ramai, ada yang menjual jamu, penjual bubur ayam, penjual daging, kuli pelabuhan dan bahkan tukang jahit juga berlarian menuju ke arah dermaga dengan niat mahu melihat pergaduhan di antara Han Seng dan Alang Kelana.

”Kau nak kalah macam mana lagi?.” Tanya Han Seng. Alang mengerti pertanyaan ini. Kali terakhir dia bergaduh dengan Han Seng, Alang harus menuruti kemahuannya dengan berlari bogel mengelilingi Pulau Sinciapo. Alang tahu, kepada siapa dia harus berpaling saat ini.

”Woi!!! turun!!!.” Teriak Alang.

”Tak naklah abang. Abang jelah. Kami semua tak payah sebab kami yakin abang boleh!!.” Jerit para kru, yang hanya bersedia memberikan sokongan moral sahaja.

”Tak guna!!!. Ini masalah harga diri. Bukan hanya aku tapi melibatkan harga diri korang semua jugak!. Aku nak korang semua turun tolong aku!!!.”

"Tak apalah abang. Harga diri kami pun bukannya berharga sangat pun. Harga diri kami tak payahlah abang nak risaukan. Abang uruskan je dulu harga diri abang tu."

"Kata anak jantan!." Aceng turut menyahut.

"Alahh, kalau macam tu apa kata kau je yang turun!."

"Turun!!! aku cakap turun!!!!." Jerit Alang.

Tanpa rela hati, mereka semua akhirnya turun. Alang kembali berpaling ke arah Han Seng.

"Hah macam itulah baru anak jantan. Tunggu apa lagi, ayuh kita mulakan sekarang." Serunya.

"Tangan kosong." Sambungnya lagi, hanya bermodalkan harga diri.

Han Seng dan kru kapalnya bersorak menerima tantangan ini sedangkan kru kapal Geng Kunyit bersedia menerima nasib dan mula berbincang di belakang Alang.

"Kita semua kan tahu yang Abang Alang tu bukannya jaguh silat. Dia cuma berlagak je lebih. Perasan yang dia tu boleh bersilat. Itu maknanya kau, kau, kau dan aku pasti tahu bagaimana kemeriahan acara ini akan berakhir." Ujar Aceng.

"Alahh buat-buat sokong jelah selagi kita tak mati atau selagi tidak mengharuskan kita semua untuk membayarnya."

Semua penonton membentuk lingkaran.

"Bersedialah untuk menjadi mayat Alang." Ujar Han Seng. Dia membuka bajunya. Semua gadis pulau termasuk nenek-nenek bersorak saat melihat potongan badan Han Seng yang sangat tegap, sado dan penuh dengan bekas luka, menyerlahkan lagi kejantanan yang dimilikinya.

Alang ligat berfikir, kata-kata apa yang harus diberinya bagi membalas kata-kata Han Seng tadi tetapi tidak berjaya menemukannya. Alang membuka bajunya namun hadirin yang berada di situ tidak merespons, senyap sunyi dan terkadang ada bunyi cengkerik yang seakan-akan bersiul.

Krik....krik...krik.....

Cih

Brakkkkkkk!!!!.

Dengan penuh gaya, Han Seng membetulkan lehernya, terdengar bunyi tulang-temulangnya dipatah-patahkan. Kemudian membuang ludahnya dengan cepat ke tanah, membuat debu berdesir. Terakhir, meninju pohon kelapa yang ada di sampingnya sehingga membuat kulit pohon itu menggelupas dan terkopek.

Alang merasakan harga dirinya terusik. Dia juga turut melakukan hal yang sama. Alang membetulkan lehernya kemudian membuang ludah juga namun sayangnya, ludah Alang lebih kental, berat, dan menjuntai tak dewasa, seperti anak kecil. Ludah itu bukannya jatuh ke tanah sebaliknya jatuh ke kakinya sendiri. Kemudian Alang meninju pohon kelapa yang ada di sampingnya tapi bukan kulit pohon itu yang terkopek sebaliknya terdengar bunyi tulangnya yang retak.

"Argghhhhhhh!!!!." Alang menahan sakit.

"Huishhh sakit sangat ke bang?." Tanya Aceng dari belakang, sama sekali tidak membantu Alang.

"Tak!." Jawab Alang dengan penuh lagak.

"Nanti kita pergi ke rumah tukang urut ya bang."

"Diamlah kau!!."

Alang melirik ke arah kru kapalnya yang tidak henti-henti memberikan semangat dan sokongan moral. Setelah itu, semuanya bergumam. Suram!.

Hang Seng mengambil alatan silatnya. Alang, entah mengambil alat silat yang bagaimana. Hanya dia dan Allah S.W.T saja yang tahu.

Han Seng menerajang dengan pantas, menendang Alang sehingga berjaya membuatkan lelaki itu rebah tersungkur. Alang berdiri memberikan perlawanan yang tampak tidak bererti. Han Seng berjaya membuatnya tersungkur lagi.

Han Seng kembali mengambil alatan silatnya. Alang melakukan gerakan seperti berjalan ke depan tetapi kenyataannya dia berjalan ke belakang.

"Gaya apa itu Alang?." Tanya Han Seng.

"Huhh kau tak faham kan?. Ahhh nampaknya aku terlalu genius untuk hidup di zaman ini!." Balas Alang resah.

"Usahkan dia, kami yang tengok ni pun sepatah haram tak faham!." Celah seseorang dari kerumunan.

"Diamlah kau, tukang jamu!!.".

"Woi itu bukan akulah!!." Bentak tukang jamu.

"Ahhh tak kisahlah siapa pun-." Alang tidak sempat menyelesaikan gerakannya kerana kaki Han Seng sudah mendarat di mukanya. Alang kembali tersungkur.

Han Seng mendekati Alang yang sedang terbaring terlentang dalam kesakitan.

"Macam mana kalau kau mengaku kalah saja dan belikan aku sebotol arak?." Ujarnya sambil menghulurkan tangan.

Alang yang melihat prospek di hadapannya cukup suram, lansung membalasnya;

"Yelah, aku mengaku kalah."

Han Seng dan Alang berjalan menuju ke kedai Tjiw Xing Oei, sebuah kedai yang menjual minuman keras–yang nescaya boleh membuatkan orang berjalan terhuyung–hayang. Mereka segera duduk di dekat meja tinggi, tempat pemilik kedai mengatur perniagaannya.

Kumpulan Han Seng menyusul masuk ke kedai yang sedang didiami oleh sekumpulan perompak lain.

"Tepi!! Tepi!!!." Ujar salah seorang kru kapal Han Seng kepada salah satu gerombolan lanun. Serta-merta, mereka berdiri lalu memberikan tempat khas kepada kru kapal Han Seng. Maklumlah, kumpulan kru kapal Han Seng adalah kumpulan yang paling ganas dan digeruni di seluruh Selat Melaka. Tidak hanya itu, bagi menjalankan kegiatan rompakan secara besar-besaran, mereka memerlukan gabungan perompak. Kumpulan Han Seng kerap mengajak perompak lain agar bekerjasama dengan mereka. Berteman baik dengan kumpulan Han Seng adalah suatu kewajipan bagi lanun di sini.

Kumpulan Geng Kunyit juga turut masuk ke dalam kedai.

"Tepi!! tepi!!! tepi!!." Ujar Aceng ke arah segerombolan lanun.

Sesaat kemudian, kumpulan Geng Kunyit dibelasah dan ditendang keluar sehingga mereka semua enggan lagi masuk ke dalam kedai.

"Bang Alang, kami di luar saja ya. Nak temankan kuda ni minum." Mereka berada di luar jendela kedai, betul-betul berhadapan dengan kandang kuda.

Tauke Tjie, wanita tua, pemilik kedai memberikan segelas arak kepada Han Seng dan secawan teh kepada Alang.

"Lang, pasal hal yang tadi tu kau tak payah nak simpan dalam hati ya?. Aku cuma bosan sebab tak ada kerja nak buat, rasa teringin nak teranjang muka orang." Ujar Han Seng santai.

"Yelah, tak ada apa-apa." Balas Alang, merasa sangat apa-apa.

"Macam mana dengan kau sekarang ni?. Dah pecahkan telur?." Tanya Han Seng, yang disambut dengan gelengan kepala Alang.

"Alang....Alang...jadi lelaki tu mesti kena kuat. Sini, aku beritahu di mana salah kau."

Alang mengamatinya dengan penuh perhatian termasuk kru kapalnya dari celahan jendela kedai. Han Seng mengeluarkan dua lembaran usang dari balik badannya.

"Kau tahu kenapa kami mahu menjadi perompak di laut?. Kami jadi perompak di laut kerana kami sudah banyak dicari orang di darat."

"Ringkasnya, aku jadi perompak di laut kerana aku sudah terlalu terkenal sebagai perompak di darat. Ini lihat." Han Seng membuka lembaran kertas pertama. Kertas itu adalah sebuah poster edaran rasmi dengan cop surat V.O.C Batavia.

Dicari : Han Seng

Kejahatan : Perompakan bersenjata di Batavia

Ganjaran : 20,000 kepingan perak (hidup atau mati)

Oleh : Pemerintah V.O.C

"Nah, kalau dah macam ini barulah kau boleh merompak Lang." Han Seng membuka kertas kedua.

Dicari : Han Seng

Kejahatan : Perompakan di laut Melaka

Ganjaran : 60,000 kepingan emas (hidup atau mati)

Oleh : Pemerintah Portugis

"Kalau kertas macam ni, mestilah nanti ramai orang yang akan cari. Bukan ke bahaya tu?." Tanya Alang.

"Ehhh lembaran kertas yang macam inilah yang membuatkan aku terkenal. Orang mahu bunuh aku tapi sebelum tu mereka akan berfikir dulu. Upahnya 60,000 keping emas tapi berbaloi tak dengan kemungkinan aku yang akan melawan?. Orang malah jadi takut dengan aku. Mereka mungkin akan dapat 60,000 kepingan emas tapi sebentar lagi, anak buah aku akan membalas dendam bagi pihak aku mungkin dengan cara membakar kampung mereka biar hancur semuanya. Berbaloi tak?. Tak kan?. Aku nak beli apa-apa, percuma!. Minum arak

percuma!. Nak makan ayam panggang satu piring tapi diberi 6 ekor. Nak menginap percuma itu belum termasuk lagi bab perempuan. Haduhhh, pening aku dengan perempuan ni.”

”Ohhh macam tu ya?. Pening ya?. Dengan perempuan?. Wahhh macam menarik ni!” Alang memang mendambakan hari di mana dia boleh menjadi idola idaman bagi setiap kaum hawa.

”Dulu masa aku kerja sebagai kuli, aku pernah menghamilkan ramai anak dara orang. Bapak dorang semua kejar aku sampai keliling kampung. Sekarang, dorang semua pula berebut nak jadikan aku sebagai menantu. Mereka baik sangat dengan aku, sampaikan aku sendiri tak sampai hati nak tolak anak dorang walaupun muka anak dorang hodoh.”

”Wauu macam tu ya?. ” Memang tujuan hidup Alang adalah bertunjangkan kepada keinginannya yang mahukan malam pertama bertubi-tubi.

”Ringkasnya macam inilah, aku dan anak-anak buah aku sekarang dah beralih arah. Dulu kami merompak di darat, sekarang kami merompak di laut. Semua orang mencari kita di darat tapi ada ke yang mencari kita di laut?. Betul tak?.” Tanyanya kepada kru kapal.

”Betul!” Ujar mereka sambil mengangkat gelas.

”Betul?. Apa yang betul?.” Tanya salah seorang kru kapalnya.

Alang terdiam.

Dia melirik ke arah kru kapalnya sejenak, yang berhimpit di jendela. Dia mengangguk.

”Baiklah, kalau begitu.”

Kru kapal Geng Kunyit mengecilkan mata dengan curiga.

”Nampaknya kebodohan dia akan berlanjutan.” Analisis Aceng.

”Oh ya Lang. Kelmarin katanya kau bantu kapal penderita penyakit kusta ya?.” Tanya Han Seng.

"Hah betul. Dari mana dapat tahu semua ni?. Aku kan memang macam tu, perompak yang baik hati."

"Itu, pesakitnya baru turun dari katil." Han Seng menunding ke arah bilik yang ada di belakang kedai. Di sana, Alang melihat seorang perompak keluar dari kamar wanita penghibur.

"Hah?." Alang terdiam, sakit hati.

"Woi Maruly!! Horas!!." Sapa Han Seng.

"Koh Han Seng!." Seru Maruly, berjalan terhuyung hayang, menghampiri mereka berdua. Terlihat jelas, Maruly kekurangan pertimbangan.

"Wahhhh budak ni." Maruly menepuk bahu Alang.

"Bodohnya kau, aku ada seekor monyet di kampung yang jauh lebih pintar dari kau."

"Pak cik...pak cik cakap pak cik ni penderita penyakit kusta." Balas Alang.

"Hahahahahahahaah!." Semua yang ada di dalam kedai tersebut mentertawakan Alang.

"Alang! Alang. Kalau kau nak tahu, Maruly ini memang bijak menyamar. Dah memang itu kerjanya."

"Hahahahahahaha!!." Mereka kembali tertawa sampai hampir menangis.

"Aku kesian dengan kau. Nah, aku pulangkan semula satu keping perak yang pernah kau bagi pada aku dulu. Hanya ini saja yang tinggal. Aku tak sampai hati nak tengok kau menangis nanti. Hahahahahaha."

"Huh!! suka hati kau je kan nak malukan aku!. Kau ingat aku ni apa hah?. Aku Alang Kelana, takkan pernah menangis!." Balas Alang dengan matanya yang berair.

"Sudahlah Alang. Janganlah kau minum kopi ni. Kau pergilah balik ke rumah mak kau, mintak susu dengan dia. Nanti bila kau dah pintar, kau datanglah ke sini semula!."

"Hahahahahahaahahaah!." Semua orang di dalam kedai itu kembali ketawa terbahak-bahak.

Alang terus terdiam sementara semua orang di dalam kedai mentertawakan dirinya. Semua orang mula dari perompak yang paling menyeramkan sehingga ke mak cik penjual jamu, pak cik-pak cik penjual ketam, nenek-nenek penjual daun sirih sehingga anak kecil hingusan. Keempat-empat kru kapalnyanya juga turut terdiam.

"Baiklah, kalau macam tu, aku undur diri." Alang berdiri lalu berjalan ke luar.

"Alang, bayar!." Seru pemilik kedai itu.

"Kalau aku tak nak bayar, kau nak buat apa?. Aku kan perompak juga." Ujar Alang, mengumpulkan kembali harga diri yang tadinya berguguran.

Setelah pemilik kedai itu menendang Alang sampai keluar kedai, Alang membayar minuman yang dia pesan tadi. Alang juga berjanji pada dirinya sendiri untuk tidak pernah mencari pasal dengan warga emas Cina berumur 80 tahun kerana ternyata dia sangat jaguh dalam menggunakan ilmu kungfu.

Keempat kru kapal menatap Alang yang dari tadi lagi asyik mundar-mandir. Air mukanya tampak begitu serius dan kelihatan agak gusar.

"Tadi korang dengar sendiri kan?. Tentang apa yang Han Seng cakapkan?."

"Ya kami dengar bang. Di celah-celahan bontot kuda dan tahi mereka, kami boleh mendengarnya dengan jelas." Ujar Abbas.

"Kita harus berubah!. Kita harus berubah. Kita harus menjadi perompak yang paling digeruni oleh semua orang!. Perompak jenis apa kita semua ni sampaikan tak ada satu orang pun yang takut dengan kita!!."

"Aku ingin menjadi perompak yang disegani orang. Kita harus menjadi perompak yang kalau minum air di kedai, tak perlu bayar. Takkanlah setakat minum air kosong pun kita kena bayar!!. Korang semua tak malu ke?. Mana harga diri kita??!!."

"Apa pendapat korang semua?"

"Satu-satunya jalan adalah kita kena merompak dulu bang." Usul Aceng.

"Sekejap Ceng, bukan macam tu."

"Ouh?"

"Kita harus seperti Han Seng. Sebelum kita merompak di laut, kita harus menjadi orang yang digeruni di daratan."

"Dan bagaimana caranya?"

"Kita harus merompak!"

Semua saling berpandangan antara satu sama lain, ingin tahu siapa dahulu yang akan berkata; Lah tadi kan Aceng dah cakap!! tetapi raut wajah mereka berubah menjadi; Ah sudahlah!!!.

Alang menyambung bicara;

"Dan kita harus menukar nama kapal lanun ini. Kita harus tukar nama pasukan ini. Geng Kunyit itu terdengar seperti nama golongan LGBT, bukan perompak yang ditakuti!. Siapa dulu yang bangga sangat bagi nama tu hah?!!." Teriak Alang.

"Abang!." Teriak mereka semua.

"Aku?." Soal Alang.

"Yelah, kan abang sendiri yang letak nama pasukan ini Geng Kunyit. Abang dah lupa ke?"

"Ohhh yeke?. Hummm....alahhh Geng Kunyit.... nama tu bukan buruk sangat pun cuma agak kurang berwibawa. Sikit-sikit je, bukan banyak pun. Dah!! Biarkan jelah, tak payah tukar-tukar dah. Geng Kunyit pun okey apa?. Kita kekalkan saja nama tu." Balas Alang.

"Jadi sekarang ni macam mana bang?. On ke tak on ni?." Tanya Abbas.

"On!! Ayuh semua!!."

"Kita nak berangkat ke mana bang?."

"Batavia!. Kita pergi ke Batavia!."

Terjemahan Penting

Sebuah lawatan yang tidak rasmi, Speelman kembali ke rumah Meneer Albert. Speelman yang sudah tidak sabar-sabar terus bertanya.

"Bolehkah kita berbincang sekarang Meneer?."

Ahli arkeologi itu mengangguk dan mengajak Speelman untuk duduk.

"Separuh dari tulisan jurnal ini telah berjaya diterjemahkan. Masih ada separuh lagi yang belum kita selesaikan dan ternyata usianya lebih tua dari yang saya jangka."

"Seberapa tua? dan benarkah ada harta yang disebutkan di dalam jurnal ini?."

"Tarikh di dalam jurnal ini menggunakan tahun kuno. Tahun agama Hindu. Dalam tahun masihi, sekitar awal tahun 1300-an atau hampir 400 tahun yang lalu."

"Bagaimana dengan hartanya?."

"Sabar kapten. Kita akan sampai ke sana, untuk memahami isi jurnal ini, kita juga harus mengikuti susur galur bangun jatuhnya kerajaan-kerajaan di Tanah Jawa."

"Ouhhh begitu."

"Ya, adakah kapten ingin menunggu sehingga semua jurnal ini selesai kami terjemahkan? atau mungkin nanti....minggu depan?."

"Tak apa. Cuba tuan ceritakan pada saya setakat yang tuan tahu."

Tidak terasa, pertemuan itu berlangsung selama 9 jam. Speelman tenggelam dalam maklumat yang bersumberkan dari jurnal tua itu. Speelman terdiam agak lama.

“Kapten?”

“Siapa lagi selain dari kita berdua yang tahu akan cerita ini?”

”John. Torjono. Dia sedang menterjemahkan ini semua.”

Speelman terdiam agak lama, kemudian dia berkata;

“Maklumat ini sangat penting untuk V.O.C. Jangan sampai ia jatuh ke tangan yang salah. Yang boleh tahu hanyalah saya, tuan dan Meneer Besar sahaja. Tuan faham?”

Albert mengangguk.

”Saya akan kembali lagi minggu depan untuk mengetahui keseluruhan isinya, Meneer Albert.”

Speelman bersalaman dengan Albert. Tidak lama kemudian, dia masuk ke dalam kereta kudanya dan berlalu pergi. Di benaknya ada satu hal lagi. Ternyata ia bukan harta sebaliknya sebuah sumber kekuatan. Kekuatan yang...jika menurut terjemahan itu adalah benar, ia adalah sesuatu yang boleh dikatakan sebagai perkara yang tidak boleh dikalahkan atau kebal!.

Kepal Dalam

Ketiga-tiga orang pahlawan itu meneruskan perjalanan mereka dengan kuda.

"Itulah yang terjadi kepada Tuan Jalak." Renung Arang.

"Itulah sebabnya, dari dulu nenek moyang kita sudah sepakat untuk tidak pernah hidup bersama. Itu sebabnya pahlawan-pahlawan lebih memilih untuk menjalani kehidupan masing-masing, berkeluarga dan terpisah."

"Jika rumah mereka diserang, kenapa tidak semuanya dibunuh?." Tanya Galuh.

Arang mengangguk.

"Kasihlah Tuan Jalak, seluruh keturunannya telah dihancurkan."

"Hebat sangat kah dia tu bang?." Tanya Galuh.

"Peristiwa yang telah kamu lihat, yang terjadi 30 tahun yang lalu jelas membuktikan bahawa Tuan Jalak adalah salah seorang pahlawan yang terhebat. Aku sering mendengar tentangnya dari ayahku. Saat itu, mungkin aku sedikit lebih tua dari kanak-kanak yang kamu lihat tadi."

"Jalak Harupat adalah keturunan pahlawan Medang Dandi. Pahlawan pertama yang membukukan semua kejadian ini. Kunci aksara. Kitab itu diturunkan dan dilanjutkan penulisannya. Sekarang kita sudah tahu ke mana hilangnya buku catatan kita."

Perjalanan menuju ke Candi Cangkuang bukanlah perjalanan yang mudah. Candi itu terletak di sebuah pulau kecil, bernama Pulau Cangkuang. Pulau itu, ia terletak di tengah sebuah tasik yang juga bernama Tasik Cangkuang. Tasik itu, ia terletak di sebuah lembah yang subur.

Lembah itu adalah penemuan 4 kaki gunung iaitu Gunung Haruman, Gunung Kaledong, Gunung Guntur dan Gunung Mandalawangi. Kaki gunung itu terletak 600 meter di atas permukaan laut dan dibaluti hutan tebal yang penuh dengan harimau liar.

Rusa Arang, Bara Angkasa dan Galuh Puspa melakukan perjalanan itu secepat mungkin dan sedaya mampu. Hutan tebal itu menyukarkan kuda-kuda mereka untuk bergerak. Rusa Arang turun dari kudanya lalu terdiam sejenak.

"Galuh, pegang kudaku, jangan sampai ia terkejut." Ujarnya sambil memberikan tali kuda.

"Bara turun. Cuba kamu keluarkan Kepal Dalam ke dalam pepohonan itu."

Bara turun lalu mengepalkan tangannya. Kemudian, dengan sekuat tenaga, dia melemparkan kepalan tangannya ke depan. Tiada sebarang tindak balas sama sekali.

"Teruskan latihan Bara." Ujar Arang. Pahlawan itu menghentakkan tenaga dalaman dengan kepalan tangan kanannya. Sebuah gelombang yang tidak dapat dilihat dengan pandangan mata kasar membelah rapatnya hutan, membuatkan jalan terbentang luas, bebas tanpa pepohonan.

"Masih jauh lagi ke perjalanan kita ni bang?." Tanya Bara.

"Sepertinya 100 batu perjalanan, tergantung letih atau tidaknya kita." Ujar Rusa Arang sambil naik kembali ke atas kudanya.

"Perjalanan akan lebih cepat."

"Tapi tidak cukup cepat. Kita sudah tidak mempunyai banyak waktu. Ayuh!! Heaaa!!." Rusa Arang memacu kudanya. Kedua-dua rakannya turut mengikuti. Saat mendekati titik akhir dari 100 batu perjalanan, Rusa Arang kembali menghentakkan kepalannya sekuat mungkin. Apa yang penting baginya, kuda-kuda itu tidak berhenti berlari. Ketiga-tiga pahlawan itu sememangnya sudah tidak mempunyai banyak waktu!.

Setelah empat kali menghentakkan Kepal Dalam, Arang dan kudanya semakin melambat- dari berlari kini ia berjalan. Bara dan Galuh masih menyusulnya.

"Kenapa bang?." Tanya Bara.

Arang tidak menjawab. Dia hanya membersihkan darah yang keluar dari hidungnya.

"Abang." Seru Galuh, prihatin.

"Gunakan ilmu ini dengan bijaksana kerana ia benar-benar mengerah tenaga."

Ujarnya.

Pahlawan itu menghela nafas dan menghentakkan Kepal Dalam sekali lagi. Kali ini kuda mereka bergerak sedikit perlahan, memberi waktu untuk Arang memulihkan tenaga. Galuh dan Bara bersimpati kepada Rusa Arang yang kelihatan begitu keletihan. Namun itulah Rusa Arang, dia selalu fokus kepada tugasnya. Mengorbankan semua yang dapat dia korbakan demi menyelesaikan tugas yang digalasnya.

Begitu?

Kapten Speelman dan Meneer Albert menutup jurnal yang masih belum sepenuhnya selesai diterjemahkan di atas meja Meneer Besar. Meneer Besar tampak tergamam.

”Begitulah Meneer Besar.”

Mata sang Meneer Besar itu berpinar.

”Luar biasa. Luar biasa!. Dua puluh tahun saya memerintah di sini, baru kali ini ada petunjuk akan harta karun yang begitu bernilai. Selama ini, tidak pernah ada hal-hal yang sebegitu.”

”Sebenarnya belum tentu ia adalah harta karun.” Kapten segera membantah, memberikan pandangan peribadinya.

”Apatah lagi, terjemahannya masih belum selesai. Masih ada beberapa lembaran yang sedang dikaji oleh John.” Ujar Meneer Albert.

”John?.”

”Torjono, dia budak saya tuan.”

”Menurut John, bahasa Jawa yang digunakan di dalam buku ini berubah-ubah. Awal-awal sangat kuno tetapi makin lama, ia semakin dapat dimengerti. Jelas sekali, ini membuktikan bahawa jurnal itu ditulis dan diwariskan secara turun-temurun. Namun walau apapun, ia adalah sesuatu yang cukup berharga. Terlalu berharga sehingga ia harus dirahsiakan selama 400 tahun lamanya.”

”Ya, walau apapun itu, yang penting benda ini adalah sesuatu yang berharga.” Balas Meneer Besar.

“Kapten, saya akan memberikan sejumlah dana yang besar kepada kamu untuk memimpin ekspedisi ini dan pastikan walau apapun yang terjadi, benda ini hanya akan jatuh ke tangan kita dan lupakan sebentar mengenai misi saya tentang minyak ikan paus. Kamu perlukan Margaretha sebagai kapal tambahan untuk menjayakan ekspedisi ini. Saya akan meminta jabatan untuk menyediakan kapal tersebut dengan beberapa kelengkapan senjata dan meriam.”

Speelman termangu sejenak.

“Kelebihan dari kapal itu ia adalah besar dan cepat. Menambah 20 meriam seperti kapal perang akan membuatnya bergerak dengan sangat lambat. Kalau perlu, jangan lebih dari 6 agar ia tidak lambat.” Ujar Speelman.

“Ya tuan. Saya rasa 6 meriam saja sudah cukup untuk melumpuhkan kapal kecil dan setidaknnya untuk mempertahankan diri.” Celah Albert.

Speelman turut mengangguk setuju.

“Baiklah. Intinya, Speelman, tolong gunakan segala yang kita miliki untuk mendapatkan barang penting ini. Termasuk kapal ini.”

“Apa maksud tuan?”

“Saya akan gunakan ia untuk menjadikan kita sebagai orang-orang yang terkuat di muka bumi ini.”

Speelman terdiam hambar.

“Itu adalah niat dia yang sebenarnya,” Ujarnya di dalam hati.

Di Bawah Patung

Pagi hari, seminggu kemudian, ketiga-tiga pahlawan merenung Candi Cangkuang yang ada di hadapan mereka. Seorang lelaki tua menghantar mereka, menggunakan sebuah rakit.

Rusa Arang bermuram durja.

"Aku tidak merasakan apa-apun. Bagaimana dengan kamu?"

"Saya juga begitu bang."

"Mungkin kerana terkubur bang." Bara berusaha memenangkan. Leluhur mereka bercerita bahawa dengan sedikit latihan kepekaan tenaga dalaman, sebagai keturunan pahlawan, mereka dapat merasakan pusaka-pusaka itu keberadaannya tidak jauh dari mereka.

"Aku bimbang." Ujar Rusa Arang.

"Bertenang bang." Galuh mengusap bahu Rusa Arang.

"Kita harus cepat!" Ujar Rusa Arang dengan tidak sabar, melirik ke arah sang atuk yang sedang membawa rakit itu dengan perlahan.

"Atuk, ramai tak orang yang tinggal di kawasan sekitar pulau ini?" Tanya Bara Angkasa.

"Tak ramai nak. Biasanya penduduk sini datang untuk melawat sesaat sebelum matahari terbenam."

Tidak lama kemudian, mereka sampai di pulau itu. Bara kemudian memberi upah kepada sang atuk.

"Atuk tunggu di sini sajalah nak."

"Ya, lebih baik begitu." Bara kemudian menyusul Arang yang berjalan di belakang Galuh yang sedang memandu arah.

Galuh menggunakan bayangan yang dia lihat dari Mpu Jala satu minggu yang lalu. Dia ingat bahawa prajurit istana pergi ke bahagian tengah candi. Di sana, tepat di depan patung Siwa. Namun apa yang mereka temukan membuatkan mereka patah hati.

Bahagian dalaman bangunan tersebut telah dihancurkan. Lantai candi tersebut, ia telah terbuka!.

Dan pusaka ke-9 yang sangat mereka perlukan untuk menyelamatkan dunia, tidak ada di dalamnya!.

Mereka berlari, kembali menuju ke arah sang atuk dan rakitnya.

"Atuk, maaf. Apa yang telah terjadi dengan candi ini?." Tanya Rusa Arang.

"....."

"Atuk! atuk!!!."

"Bang, biar saya saja." Galuh menenangkan Rusa Arang. Bara menarik Rusa Arang agar menjauh, sementara Galuh duduk di atas rakit bersama lelaki tua itu.

"Atuk, saya mohon tolong ceritakan kepada kami tentang apa yang telah terjadi di tempat ini."

Sang atuk, mula membuka mulutnya.

"Sekitar...ummmm...ummmm... satu purnama yang lalu, mereka yang berambut perang telah datang ke sini. Mereka hanya melihat-lihat, mengambil potret, mengukur tetapi kemudian mereka menemukan sesuatu. Di lantai candi."

"Sesuatu?. Apa?."

"Atuk tidak melihatnya."

"Apakah mereka sudah lama berada di sini?. Bilakah mereka pergi dari sini?."

"Setengah purnama yang lalu nak."

"Mereka pergi ke mana tuk?"

"Kembali ke kota nak."

Para pahlawan saling berpandangan. Galuh kemudian mengajak sang atuk untuk berbicara lagi.

"Atuk, sebelum kami berangkat pergi, bolehkah izinkan saya untuk memegang tangan atuk?"

Sang atuk mengangguk, dengan halus, Galuh memegang tangan kanan lelaki tua itu. Galuh terbawa di dalam satu bayangan.

Semua yang dikatakan oleh lelaki tua itu tadi adalah benar belaka.

"Benda itu telah dibawa oleh pihak V.O.C."

Rusa Arang bergegas, kembali ke kudanya.

"Ayuh!! Cepat!!"

"Abang, berehatlah dulu. Nanti abang akan kehabisan tenaga!!" Pinta Galuh dan Bara.

"Kita dah tak ada banyak masa lagi!!"

"Kita masih ada satu purnama lagi bang."

"Kamu ingat satu purnama itu lama?"

"Abang, jika abang mati kerana kepenatan, kami semua akan kalah bang." Balas Bara.

Rusa Arang terdiam. Dia memang kepenatan. Perlahan, dia turun dari kuda itu.

Malam yang penuh bintang di pinggir tasik.

Galuh selesai memeriksa dan memastikan Arang tertidur. Lelaki itu terlelap tidur dalam istirehatnya. Istirehat yang dia perlukan. Mata Galuh pantas mencari keberadaan Bara. Bara

berdiri di dalam kegelapan, agak jauh dari unggun api. Bara tampak sedang berusaha berlatih jurus gerakan yang telah diajar oleh Arang. Galuh berjalan mendekat.

"Maaflah."

"Untuk apa?."

"Saya masih belum mampu."

"Tak apa-apalah Bara."

Bara dan Galuh duduk di pinggir unggun api.

"Adakah melihat ke dalam masa lalu orang lain itu adalah sesuatu yang menakutkan?."

"Mungkin saya saja yang masih belum terbiasa."

"Awak beruntung Galuh sedangkan saya tidak mempunyai apa-apa. Keturunan saya juga begitu. Ayah saya, dia hanyalah pahlawan biasa."

"Awak jangan bersedih Bara. Semua dari mereka itu adalah luar biasa. Awak juga luar biasa."

Bara Angkasa tersenyum kecil.

"Galuh, selepas tugas ini selesai, apa yang akan awak lakukan?."

"Huh."

"Kahwin?."

"Mungkin."

"Dengan Abang Arang?."

Galuh tertawa.

"Apa pandangan awak mengenai Abang Arang?."

Galuh terdiam agak lama.

"Tak pernah terlintas di pikiran saya mengenai itu semua."

"Besok, Abang Arang pasti akan menunggang kuda sepantas kilat."

"Haha, semestinya. Hummm awak pergilah masuk tidur. Saya akan berjaga di sini." Ujar Bara.

Hanya ada Bara yang masih berjaga. Bara dan purnama yang tersisa. Sungguh, ia adalah satu khabar yang tidak menggembirakan buat Arang.

Rompakan

Dorr!!

Meneer itu jatuh tersungkur di dalam rumahnya. Burung-burung berterbangan dari pohon dalam perumahan pejabat menengah V.O.C di luar kawasan Rijswijk. Di perkarangan rumah itu, terdapat enam orang budak suruhan terkapar, pengan.

Kelima-lima perompak itu mengelilingi mayat Meneer Belanda dan terdiam, mereka saling melirik antara satu sama lain. Ada yang berdeham, membuatkan situasi menjadi semakin tegang. Alang cuba untuk memastikan.

"Adakah dia dah....."

"Ya."

"Tapi kan kita belum....."

"Belum."

"Jadi kita masih....."

"Tak....."

"Dah sekarang kita harus....."

"Ya....."

Alang menggaru-garukan kepala dan merenung ke arah Lintong yang terdiam gugup, sambil memegang senapang.

"Aku....." Alang terlihat memilih kata yang tepat bagi memberikan penjelasan.

"Aku tak tahu di kampung korang semua macam mana tapi kalau di kampung aku....."
Alang menunding ke arah dirinya, berupaya menegaskan.

"Kalau kita mahu bertanyakan kepada seseorang, biasanya dia yang jawab dulu dan kemudian barulah kita tembak." Jelasnya, dengan nadi yang berdenyut di dahi.

Aceng setuju.

"Kami juga begitu kalau di Bangka malah turut disiksa tapi hummm begitulah jawabnya."

"Begitu bagaimana?" Tanya Abbas.

"Menjerit-jerit!!."

"Aaaa.....aaaaa.....macam tu!" Lintong berjaya menjelaskan.

"Nama orangnya pun kita tak tahu." Keluh Alang. Alang memang termasuk dalam golongan mereka yang suka berkenalan terlebih dahulu kerana menurutnya itu penting untuk menjalinkan hubungan silaturrahim. Walaupun pertanyaan itu diajukan sebelum hartanya diambil.

Empat jam sebelumnya.....

Alang dan Geng Kunyit berlabuh dengan jayanya di Sunda Kelapa dan membayar 10 keping perak bagi kos biaya pelabuhan kepada Syahbandar. Syahbandar itu adalah seseorang yang berketurunan Pakistan-Melayu dengan warisan bulu yang tidak normal itu tampak seolah-olah tidak percaya saat Alang mengakui bahawa dirinya adalah seorang pengusaha batik dari Banjarmasin. Namun setelah Syahbandar disuap, semua pertanyaan menguap.

Alang mengalami kesukaran dalam mengawal atur anak buahnya kerana kemeriahan di Kota Batavia adalah sesuatu yang susah untuk ditolak. Tiba-tiba mereka lupa akan tujuan sebenar mereka datang ke sini iaitu untuk merompak kerana lebih menginginkan gula-gula kapas dan aiskrim sambil menonton tarian singa di Glodok atau menonton V.O.C bernyanyi aneh dengan seluar ketat di Opera House, Rijswijk. Semua kru kapal dalam kumpulan ini begitu menyukai opera kecuali Abbas.

"Kalau datang sini semata-mata nak tengok perempuan berteriak-teriak macam orang gila rasanya memang tak berbaloilah apatah lagi aku dah ada isteri di Condet. Korang ingat aku pergi melaut untuk apa?" Tanya Abbas.

"Kita di sini sekarang untuk merompak!. Bukannya untuk makan gula-gula kapas atau aiskrim!!."

"Macam mana kalau kita merompak dulu lepas tu barulah kita makan aiskrim dan gula-gula kapas?" Aceng masih teguh mempertahankan keinginannya yang mahu makan aiskrim dan gula-gula kapas.

"Agak susah untuk kita makan aiskrim sambil dikejar-kejar orang dari belakang." Balas Alang.

"Hummm betul jugak tu. Hah kalau macam tu apa kata kita makan ais krim dulu lepas tu barulah kita pergi merompak?"

"Kau nak tengok aku kekenyangan dengan ais krim tu ke?"

"Tak bang."

"Habis tu?. Dahlah!. Ayuh kita merompak!. Sekarang!!."

"....."

"Abbas, di mana daerah orang-orang V.O.C tinggal?"

"Rijswijk?. Ke sana bang!!." Tunjuk Abbas, ke sebelah sana.

Alang dan Geng Kunyit mulai berjalan kaki ke sana.

Dua jam yang lalu.....

Ternyata dua jam berjalan kaki di bawah terik matahari Batavia sangat memmenatkan. Alang berkata bahawa dia ingin sekali makan aiskrim- yang mana membuatkan Aceng menggaru-garukan kepalanya. Akhirnya mereka berhenti di depan deretan rumah milik pegawai V.O.C.

"Abang Alang, menurut abang, rumah mana yang seeloknya kita rompak?. Abang pilihlah." Tanya Lintong.

"Menurut aku, ada banyak perkara yang harus kita kenal dan siasat dulu. Adakah rumah itu besar?. Bagaimana letaknya rumah itu?. Mudah atau tidak untuk kita lari dari sana?. Berapa orang yang mengawasi rumah itu?. Adakah mereka semua bersenjata?. Apakah mereka ada pembantu?. Apakah pembantu mereka itu cantik?. Apakah mereka memakai coli?. Semua

itu harus kita kenali dulu untuk menghindari akhir hayat kita dan mempertimbangkan semuanya. Seeloknya, kita mulakan dulu dari rumah yang paling kanan.”

“.....”. Semua terdiam melihat Alang.

”Kita semua pasti takkan tertangkap kan?”

Semuanya terdiam dan dengan sangat perlahan, menggelengkan kepala.

Alang membenamkan kepalanya di kedua telapak tangan sebentar, kemudian mengangkat telunjuknya.

”Dang....dang tut!....akar buah kelapa sawit. Siapa yang kentut, dia raja pencuri.”

”Itu!!! yang paling kiri!!!.”

”Sedia!!!!.”

Mereka bergegas menuju ke rumah yang paling kiri ketika Alang berhenti melangkah.

”Kenapa abang?.”

”Kau dengar tak apa yang aku dengar?.”

”Korang semua dengar tak?!.”

”Dengar apa abang?.” Tanya para kru.

”Suara Lanun Merah!!.”

”Hah??.”

”Menyesal aku tanya!.”

”Tak bang!!.”

”Hummm....kita rompak di rumah yang paling kanan!! Ayuh!!.”

Tidak lama kemudian, mereka berjaya memasuki ke dalam rumah itu, menangkap para pembantu di rumah itu. Mereka kecewa kerana tidak ada pembantu yang cantik, menceroboh

masuk ke dalam ruang kerja Meneer, pemilik rumah itu lalu mengheret Meneer tersebut ke ruang tamu. Alang menghunuskan pedang pada sang Meneer.

"Wahai Meneer yang tua bangka!! Siapa namamu??" Tanya Alang.

Dorr!!!.

"Maaf bang, kalau boleh saya bagi saranan." Abbas menunjukkan tangan, meminta izin untuk berbicara.

"Bagaimana kalau kita sambung lagi sesi perbualan ini di kapal je. Di tempat yang.... macam mana eh?.... yang tak boleh diketahui oleh pihak V.O.C bang."

Alang memandang ini sebagai satu idea yang cukup bernas.

"Baiklah, sekarang kita ambil apa saja yang ada. Apa yang berharga di dalam rumah ini?."

Kelima-lima perompak itu kemudian melihat ke arah sekeliling rumah.

"Ada!. Itu!!." Aceng menunjuk ke arah sebilah sabit yang tergantung di dinding.

"Tak naklah!!. Takut sial!!. Kita tak tahu dah berapa ramai yang mati kerananya!."

"Atau itu?." Tawar Lintong, menunjuk ke arah kotak yang tergantung di sebelah sabit.

"Kita semua tak tahu itu bekas apa." Balas Alang.

Alang terdiam sebentar. Dia masuk ke dalam ruang kerja sang Meneer. Dia menemukan sebuah peti kayu yang sudah sangat usang. Dia ambil peti tua itu lalu bergegas keluar menemui para kru yang lain.

"Isinya apa bang?."

"Aku tak tahu!. Ahhhh kita ambil jelah!!."

"V.O.C jenis apa macam ni?. Emas pun tak ada kat sini!!." Keluh para kru.

"Ehhh dahlah!!. Jom kita pergi." Seru Alang.

Semua setuju dan pada saat mereka hendak pergi, mereka terdengar ada bunyi kereta kuda yang berhenti di depan rumah.

"Sayang, saya dah pulang!."

"Alamak, puan dah pulang!!." Semua orang menepuk dahi.

"Teruk kita macam ni!!."

Puan Besar masuk ke dalam rumah. Dari ruang tamu, Alang menghalang tubuhnya dengan sebilah parang.

"Angkat tangan!!!!. Harap maklum. Ini adalah satu perompakan!!!!. Harap maklum!!."

"Arghhhhh!!!! Tolong!!!!." Teriak Puan Besar yang berambut ikal itu.

Alang melihat ke arah sekelilingnya, mencari kesempatan apapun yang dapat dia gunakan. Di depan perkarangan rumah, terdapat kereta kuda milik keluarga Puan Besar yang baru saja diparkir. Ada seorang pemandu yang masih berada di atas kereta dan dua orang budak suruhan yang sedang menurunkan barang-barang.

"Kereta kuda itu!!!."

"Oh ya!! Bagus jugak tu!!." puji Abbas yang memang setulus hati memuji keunikan hiasan luar dari kereta kuda itu, ia terukir dengan cita rasa seni yang begitu tinggi.

"Kita rompak kereta kuda tu Abbas!!!!. Kita rompak kereta kuda itu!!!!." Alang menolak kepala Puan Besar dengan hulu parang sambil berlari mendekati kereta kuda dan turut diikuti oleh para kru yang lain.

"Angkat tangan!!!!." Para kru mula menghalakan senjata api, menghunus parang mereka ke arah pemandu dan budak suruhan.

"Kecuali awak, cik adik. Awak tak payah. Awak cantik!. Awak dah makan ke?. Nama awak siapa?. Awak berasal dari mana?." Tanya Alang kepada salah seorang budak suruhan yang cantik.

"Abang Alang!!!!" Bentak semua orang.

"Oh ya!. Ehmmm dengan ini, kami ingin merompak kereta kuda ini!!!!. Berampus kalian semua dari sini!! Tepi!! tepi!!."

Rupa-rupanya, suara tembakan yang membunuh Meneer Albert telah mengundang curiga para petugas keselamatan V.O.C- dan membuatkan mereka mendekati rumah itu. Saat para kru sedang menaiki kereta kuda, dari kejauhan ada satu teriakan.

"Hei!!!!. Berhenti!!!!."

"Oh! hai." Balas Lintong, kononnya mahu bersikap ramah mesra, tidak mengerti bahawa dia baru saja menyapa satu pasukan keselamatan V.O.C yang begitu digeruni.

"Berhenti!! Sila berhenti!!." Pasukan keselamatan berlari untuk mendekat.

Alang tidak mempunyai pilihan lain selain dari menjadikan Puan Besar sebagai tebusan. Pasukan keselamatan itu terhenti beberapa meter dari hadapan mereka. Mereka bersiap sedia untuk menembak semua orang tetapi Puan Besar telah menjadi perisai hidup bagi kumpulan perompak itu.

"Lepaskan Puan Besar!! Lanun keparat!!!!." Teriak mereka.

"Jangan mimpilah bang apatah lagi abang dah seenak-enaknya menghina kami sebegitu." Ujar Alang, menjelaskan sesuatu yang sudah jelas.

"Menyerahlah. Letakkan senjata!!." Seru mereka.

"Surrender!!!!." Jerit mereka.

"Suren bang. Saya Suren, bukan Surrender!!." Balas Suren.

"Ehh dia tak tanya nama kaulah bodoh!!." Teriak Alang. Alang baru tersedar akan sesuatu dan segera menoleh ke belakang.

"Ehhh yang korang semua bersembunyi di belakang aku ni dah kenapa??!!."

"Kerana cuma abang saja yang berdiri di belakang tawanan." Balas Aceng.

"Habis tu kau pulak buat apa?. Tendanglah pemandu tu ke! Naik dalam kereta kuda ke tapi tak payahlah duduk diam je di belakang aku ni!!."

Suren menumpaskan pemandu kereta kuda tersebut dan sisi kru yang lain pula masuk ke dalam kereta kuda. Alang tidak lupa untuk segera menarik Puan Besar agar masuk ke dalam kereta.

"Sekarang kita nak ke mana bang?." Soal Suren dengan penuh tanda tanya.

"Kau rasa?." Jerit Alang.

Suren segera menghentakkan tali kendali dan kereta kuda bergerak kencang, menuju pelabuhan Sunda Kelapa. Pasukan keselamatan V.O.C mengejar mereka dengan sia-sia.

"Abang pulak janganlah duk asyik jerit-jerit. Darah tinggi nanti." Bisik Lintong ke arah Alang yang berada di tengah ketegangan.

"Cakap je kat abang tu yang dia sebenarnya kurang sayur!!." Balas Aceng.

Di dalam kereta kuda yang sempit itu, Alang, Abbas, Lintong dan Aceng ditendang dan dicakar oleh Puan Besar yang meronta-ronta seperti orang yang terkena histeria. Alang membungkus kepala Puan Besar dengan sekarung guni.

"Kau ni siapa hah??. Lepaskan aku!!.. Lepaskan!!!!." Teriaknya dalam kegelapan.

"Ehmmmm....bang." Sahut Suren dari luar.

Alang melihat keluar. Mereka akan melalui satu check point sekatan dari pihak V.O.C.

"Habis tu?. Kau rasa, kita harus berhenti?. Macam tu?."

Suren segera menghentakkan tali kendali. Kereta kuda melaju dengan lebih kencang.

"Hei berhenti!!!!. Berhenti!!!!. Berhenti!!!!." Jerit pihak V.O.C. Mereka menembak kereta kuda yang dinaiki oleh Geng Kunyit namun dibalas oleh Alang dengan cara melemparkan daun sawi, daun bawang dan ayam hidup, hasil dari perbelanjaan barang dapur Puan Besar sebelum akhirnya dia teringat bahawa mereka sebenarnya turut membawa senjata. Beberapa

orang dari pihak V.O.C meloncat naik ke kereta kuda, lantas mengejar mereka dari arah belakang.

"Lintong!!!. Tembak!!!."

Dorr!!!.

"Aduhh!!....." Suren mengaduh dari luar, ternyata bontotnya tersangkut peluru.

"Bukan Suren, Lintong!!!. Halakan ke arah V.O.C!! V.O.C!!." Bentak Alang.

Kejadian tembak-menembak terjadi. Para kru kapal dengan pistol mereka dari kereta kuda dan pihak V.O.C dengan senapang mereka dari atas kuda.

Di dalam kereta, Alang cuba menerangkan strateginya kepada para kru.

"Baik, kawan-kawan. Kita sangat beruntung. Kali ini kita memiliki Puan Besar sebagai tawanan."

"Abang." Celah Abbas.

"Sebentar Abbas. Sebaik saja kita keluar dari kereta ini, tidak akan ada yang berani menembak kita lagi seperti tadi kerana Puan Besar ini adalah....."

"Abang." Celah Aceng.

"Aku belum selesai lagi. Dengarkan aku Aceng!! HORMATLAH sikit kalau orang tengah bercakap ni. Aku tengah semangat berkobar-kobar ni. Hummm sampai mana dah tadi?. Hah Puan Besar ini adalah alat tawanan kita. Hah tengok, puan dah jadi baik, dah tenang, dah tak ada tendang-tendang macam tadi-."

Alang menoleh ke sisinya, ke arah Puan Besar yang kepalanya sedang dibungkus dengan karung guni.

Karung guni berdarah dan berlubang, bekas tertembak.

"Bukan saya, bang." Ujar Lintong sambil menunjuk ke arah mana yang dia menembak tadi.

"Macam mana ni bang?" Tanya Aceng.

"Diamlah korang!!!."

Kereta kuda itu dengan cepat memasuki daerah Pasar Ikan melewati Menara Syahbandar. Mereka berhenti di sebuah gudang ikan dekat menara, kemudian membongkok di antara timbunan ikan-ikan.

Suasana Pasar Ikan menjadi ramai dengan kehadiran pihak V.O.C. Mereka duduk terdiam di gudang itu sehinggalah pihak V.O.C berlalu pergi.

Laporan Kapten

Speelman mengawasi kegiatan retrofitting untuk Margaretha. Tong-tong berisi air putih, arak, gandum, daging salai dan serbuk pistol diangkut ke dalam kapal, memakai tuas kayu besar. Dua kapal kecil berlabuh di samping Margaretha. Kedua-dua kapal itu berisi 6 meriam dan persediaan peluru yang langsung diambil oleh kru kapal Margaretha. Sebahagian kru yang lain sedang menggergaji dinding kapal tersebut, membuat lubang berupa bingkai sebagai tempat untuk meriam menembak. Speelman melatih beberapa bekas prajurit V.O.C yang sudah menjadi free man untuk Margaretha. Posisi pembantu kapten, dia serahkan kepada Abdi, seorang prajurit yang sudah beberapa kali berkhidmat untuknya sebagai penggerak kapal. Bertahun-tahun, Kapten Abdi sudah berjaya membuktikan kecekapannya di atas kapal dan keganasannya di medan perang. Kejam di laut dan sadis di darat. Begitu tajam matanya!.

Fikirannya kembali melayang pada benda berharga atau kekuatan berharga atau apapun itu, yang sedang Meneer Albert pelajari. Apapun barang itu tepatnya, barang tersebut akan dapat memberikannya suatu kekuasaan dan kekuatan untuk memperdalam pengaruhnya di perusahaan V.O.C bermula dari pejabat dagang paling barat di Tanjung Harapan sehingga ke ibu pejabat V.O.C paling timur di Kepulauan Formosa dan Nagasaki. Bahkan, tidak mustahil, benda ini boleh membuatkan dia lebih kuat dari 17 dewan parlimen V.O.C itu sendiri. Meneer Besar?. Lupakan dia!. Dia boleh diracun bila-bila masa saja, atau tidak sengaja dipijak kuda atau tidak sengaja tergelincir dan terjatuh dari tingkat dua. Ada banyak cara untuk menyingkirkan si tua bangka itu. Saat ini, baginya, Meneer Besar lebih berguna dalam keadaan hidup daripada mati kerana dana kewangannya.

"Tuan." Kapten Abdi menyapa atasannya.

"Keenam-enam meriam sudah masuk."

"Bagus-."

"Tuan!!." Perbualan mereka diganggu oleh teriakan seorang koperal di atas perahu kecil. Perahu itu tampak tergesa-gesa merapat ke Pulau Onrust. Koperal itu meloncat ke atas dermaga, segera berlari mendekati Speelman.

"Saya melaporkan tuan!" Koperal itu memberi hormat.

"Ya, ada apa?"

"Telah terjadi satu perompakan bersenjata di Risjwijk, tuan."

"Ouhh, rumah siapa?"

"Meneer Albert, tuan!!"

Kapten Abdi dan sang koperal belum pernah melihat Speelman berubah air mukanya sampai semerah itu.

"Balik ke Batavia sekarang dan kerahkan semua anggota polis Kapten Abdi!. Bawa semua kru kapal!!."

"Baik tuan, humm bagaimana dengan meriam itu tuan?"

"Kita sambungkan saja. Ayuh!!."

"Baik tuan!!."

Semua orang termasuk penjaga Pulau Onrust dipaksa oleh Speelman untuk berangkat pergi. Mereka berlarian mengambil kapal penyelamat. Dalam sekelip mata, mereka sudah berlayar kembali ke Batavia.

Betul ke?

Di balik pintu gudang, Alang dan para kru kapal melirik ke arah luar, mencari jalan yang terdekat untuk menuju ke kapal mereka.

"Ayuh kita teruskan berjalan, harap semua akan bertenang." Ujar Alang separuh berbisik.

"Ya, betul tu kawan-kawan!. Jangan risau!. Jangan bising!!. Jangan keluarkan sebarang bunyi ataupun suara. Jangan sampai ada orang lain dengar suara kita!!." Respons Lintong, berteriak nyaring. Semua sepakat melemparkan Lintong dengan benda berat dan memasukkan pemuda itu ke dalam tong drum kayu yang kosong.

Mereka keluar dari gudang sambil menggulingkan drum berisi Lintong dan berjaya meloloskan diri dari kawalan beberapa orang V.O.C, menyusuri Pelabuhan Sunda Kelapa. Kemudian, dengan sangat tenang dan dungu, mereka menghampiri deretan kapal yang berlabuh. Beberapa pegawai V.O.C melihat mereka dengan riak wajah yang serius.

"Tepi semua!! Tepi!!!. V.O.C akan lalu!!." Seru salah seorang anggota V.O.C.

"Silakan lalu tuan." Ujar Suren.

"Nah, silakan!! Silakan!!." Aceng mempersilakan semua pihak V.O.C untuk lalu terlebih dahulu.

Mereka baru saja tiba di depan kapal Geng Kuyit.

"Hei, sebentar!. Kalian semua!!."

Alang dan keempat-empat orang kru kapalnya berhenti berjalan. Dari belakang mereka, salah seorang anggota V.O.C telah datang mendekat. Mereka berlima mula menahan nafas.

"Kami sedang mencari lima orang perompak. Khabarnya mereka semua telah merompak sebuah rumah di selatan sana dan menjadikan isteri seorang Meneer sebagai tebusan. Apakah korang semua pernah melihatnya?"

"Lahh betul ke?."

"Astagfirullahaladzim!!.. Jahatnya dorang. Sampai hati mereka semua buat macam tu."

"Semoga keluarga Meneer diberikan ketabahan dalam mengharungi dugaan ini."

"Kami tidak pernah melihatnya tuan."

Para kru kapal menjawabnya dengan penuh yakin.

"Korang yakin yang korang tak ada tengok orang yang berlari-lari?"

"Ya tuan."

"Betul?"

"Betul, tuan."Ujar Alang dengan wajah yang sepolos mungkin.

"Kami tak akan sampai hati merompak rumah banglo yang paling kanan di Rijswijk, mengambil seorang wanita yang berambut perang untuk dijadikan sebagai tebusan, mencuri kereta kudanya dan tidak sengaja membuatkan kepalanya tertembak sampai mati. Apatah lagi meninggalkan kereta dan mayatnya di balik gudang sana. Kami tidak akan pernah melakukan hal seperti itu tuan." Alang menjelaskan.

"Betul?"

"Betul."

"Baiklah, sila bersurai semua."

Alang dan para kru kapal dengan santai naik ke atas kapal. Mereka memuji betapa cerahnya matahari siang ini sambil menaikkan layar, mula mengangkat sauh.

Geng Kunyit berlayar menjauhi Sunda Kelapa.

Risjwik

Ketiga-tiga pahlawan sudah sehari-hari memacu kuda secepat mungkin, seakan-akan kiamat sedang mengejar mereka di belakang. Menjelang subuh tadi, mereka sudah bersukacita kerana saat menunggang kuda, tiba-tiba mereka merasakan kehadiran benda itu. Awalnya lemah kemudian semakin cepat mereka memacu, makin terasa menguat kehadirannya. Ini adalah petanda yang baik, ertinya mereka semakin dekat dengan pusaka ke-9. Namun...

"Rasa itu makin melemah abang." Ujar Galuh dengan cemas.

"Ya, betul tu bang." Sambung Bara.

"Heaaaaa!!!!." Rusa Arang menghentakkan kakinya, kemudian kuda itu berlari dengan lebih cepat lagi. Rusa Arang juga turut merasakan hal yang sama bahawa kekuatan ghaib dari pusaka yang mereka kejar itu mulai melemah.

Setelah beberapa jam lamanya mereka menunggang kuda, rasa itu tetap melemah. Mereka semakin cemas. Di hujung cakarewala, mereka melihat pintu gerbang selatan dari Kota Batavia. Pintu gerbang itu dikawal oleh tiga orang pegawai V.O.C.

"Hei!!! berhenti!!." Jerit mereka dari jauh.

Mereka tetap memacu secepat yang mungkin.

"Bara....."

Bara memacu kudanya sambil mengambil tiga pucuk besi kecil yang tajam seperti mini keris. Keris paku. Bara menamakan senjata ini. Bara melemparkannya ke arah tiga orang pengawal itu. Kurang dari satu detik kemudian, mereka sudah jatuh, tewas. Itulah kelebihan Bara. Sepasang mata helang!.

Rasa yang kian melemah itu menuntun mereka ke Risjwijk. Mereka bertiga segera turun dari kuda, melihat situasi dari balik pohon-pohon rendang. Mereka melihat rumah Meneer Albert yang sudah dikerumuni oleh pihak polis V.O.C. Satu jenazah diangkut keluar dari rumah itu.

"Itulah rumah yang saya lihat." Bisik Galuh.

Bara dan Galuh dapat membaca kekecewaan Rusa Arang yang begitu mendalam. Rasa itu kian melemah. Ertinya rasa itu sedang bergerak menjauh.

"Aku masih merasakannya di sebelah utara. Ayuh!. Kita segera ke sana!!."

Perjalanan menuntun mereka sehingga ke dermaga Sunda Kelapa.

"Kita akan gunakan kepakaran kamu Bara."

".....laut!"

Mereka tidak dapat melihat benda pusaka itu namun mereka melihat sebuah kapal putih berlayar di hujung cakerawala. Mereka tahu, pusaka yang mereka cari selama ini ada di dalam kapal itu!.

Eh!. Itu Lawa Jugak!!

Geng Kunyit berlayar keluar dari perairan Sunda Kelapa dan meneruskan perjalanan mereka ke gugusan Pulau Seribu. Mereka melalui Pulau Onrust.

”Pelik kan?. Tidak biasanya pulau itu tidak dikawal. Tak ada orang di sana sama sekali.”
Ujar Alang sambil menunding ke arah pulau.

”Ha’ah. Cuba tengok tu, lawa jugak kapal tu.”

“Ya!ya!!.”

Semua kru kapal memuji Margareththa yang sedang berlabuh, tanpa sebarang pengawasan.
Alang berfikir sejenak.

Laporan Kedua

Ada beberapa anggota polis di rumah Meneer Albert. Ada yang membuka tali ikatan budak suruhan. Ada polis yang sedang mengambil keterangan dari mereka- berapa orang yang menyerang mereka, adakah mereka menyebut nama, bagaimanakah rupa paras mereka. Sisa kekuatan pihak polis dikerahkan bagi mencari sosok-sosok mencurigakan di seluruh pelusuk Batavia.

Speelman dan Kapten Abdi berbongkok di hadapan mayat Meneer Albert. Arkeologi itu sudah tidak bernyawa. Kotak hitam yang berharga itu juga hilang. Speelman merasa sangat kecewa. Dia kemudian memanggil seorang anggota polis.

“Sarjan.”

“Ya, tuan.”

“Semua pembantu masih hidup lagi?”

“Ya tuan.”

“Tolong bawakan pada saya, seorang budak lelaki yang bernama Torjono. Suruh dia datang temui saya di ruang kerja Meneer Albert.”

“Baik tuan.”

Speelman dan Kapten Abdi menunggu di dalam ruangan kerja arkeologi itu. Tidak lama kemudian, anggota polis tersebut datang bersama Torjono, masuk ke dalam ruangan.

”Sarjan, kapten, tolong tinggalkan kami berdua sebentar.” Ujar Speelman.

Kapten Abdi dan anggota polis itu kemudian berjalan meninggalkan ruangan tersebut sambil menutup pintu ruangan itu dari luar.

”John?”

”Saya Kapten Speelman.”

"Adakah kamu sudah menyiapkan proses terjemahan jurnal itu?"

"Ya, tuan. Saya telah menyelesaikannya."

"Puji Tuhan!. Bagus sekali kamu John. Errr mana buku itu?. Tolong berikan kepada saya."

Torjono menunding ke arah meja pejabat Meneer Albert.

"Kelmarin saya melihat Tuan Meneer menyimpan hasil kerja saya di dalam laci itu."

Speelman segera membuka laci meja. Dia menarik nafas lega. Terjemahan dan naskah asli masih ada di tangannya.

"Bagaimana dengan barangnya?."

"Itulah yang dicuri tuan."

Speelman terdiam.

"John, selain kamu, saya dan Tuan Meneer Albert, siapa lagi yang tahu pasal hal ini?."

"Tidak ada tuan. Hanya saya, tuan dan Tuan Meneer saja yang tahu. Rahsia itu selamat."

Speelman mengangguk. Dia terdiam agak lama.

"John, mulai sekarang, kamu akan bekerja untuk saya. Ambil semua barang kamu dan masukkan ke dalam kereta sekarang juga dan pindah secepatnya ke rumah saya."

Speelman memegang erat kedua-dua naskah itu lalu membuka pintu. Di hadapannya masih ada sarjan yang sekarang sedang bergabung dengan koperal yang tadi datang menemuinya.

"Saya melaporkan tuan!."

"Adakah perompaknya telah ditangkap koperal?. Huh, kalau begitu. Kamu semua memang hebat!." Puji Speelman.

"Bukan tuan. Dari hasil siasatan kami, kemungkinan mereka telah berjaya lari keluar dari Batavia dengan sebuah kapal."

Speelman murka.

"Bagaimana kamu semua boleh begitu yakin kalau mereka pergi ke laut?"

"Kerana mereka.....mereka telah mencuri kapal Margaretha tuan."

Dicari

Alang memang memutuskan untuk mencuri kapal Margaretha- dengan alasan bahawa pihak V.O.C pasti akan mencari kapal mereka terlebih dahulu berbanding Geng Kunyit. Untuk itu, mereka harus menukarkan kapal mereka dan tidak ada kapal yang lebih baik untuk dicuri selain dari kapal yang tidak dijaga. Perkara bahawa berlayar dengan menggunakan kapal Eropah dari hasil curian adalah lebih gila dan lebih mencurigakan, sama sekali tidak mereka fikirkan.

Satu jam kemudian, matahari mulai merapat menuju cakerawala.

Layar Margaretha berkibar kencang, membawa Alang dan krunya. Bertemu sang matahari, di tempat ia terbenam.

Dalam perjalanan menuju Sinciapo, Alang meminta krunya untuk memeriksa bekalan di dalam kapal, bermula dari dek atas sehingga ke dek bawah. Sementara mereka memeriksa, Alang masuk ke dalam kabin kapten, lalu duduk di dalamnya. Dia memegang kotak hitam yang dari tadi dia bawa. Alang membuka kotak itu.

"Apa isi di dalamnya bang?." Tanya para kru dari luar pintu.

"Ini." Alang mengacukan sebilah keris berwarna hitam.

"Alahhh, ingatkan apa tadi?. Kalau setakat keris buruk macam ni, kat kampung saya pun berlambaklah bang." Keluh Suren.

"Apa yang korang jumpa?." Tanya Alang.

"Wahhh saya jumpa daging salai lah bang!. Ada air putih, arak, gandum. Bolehlah kita buat mee atau kuih pau!!."

"Yahooooo!!!."

"Tapi aku tak nak. Penat gila buat mee tu!!."

“Buuuuuu!!.” Aceng tidak disukai yang lain.

“Kau pulak, apa yang kau jumpa?.”

“Di dek atas, saya menemukan sebuah tong drum yang isinya adalah Lintong bang.”

“Hah yelah, kan tadi kita semua yang masukkan dia ke dalam tong tu. Takkanlah korang dah lupa?.” Bentak Alang.

“Ya, ya!. Kami ingat bang.”

”Di dek bawah, saya menemui beberapa tong serbuk peluru dan 6 biji meriam.”

”Aku pulak jumpa tombak-tombak besi berat ini!.” Alang mengangkat harpun. Semua orang melihat tombak yang tidak pernah mereka lihat sebelum ini. Tombak itu terbuat dari besi dan memiliki 2 mata di hujungnya. Satu mengarah ke depan dan satu lagi membengkok ke belakang, seperti mata kail.

”Yang macam ni ada banyak sangat kat bawah tu. Mungkin ada 16 biji. Apa namanya?. Entahlah.”

“Harpun bang.” Jelas Suren.

“Tau dari mana kau?.”

“Kerana abang ambil ini dari gudang yang ada tulisan ‘Harpeon’.”

“Ahhh jangan berlagak pandailah kau!!.. Kau sendiri nak uruskan tahi kuda pun kena halau dengan raja, takkanlah kau lagi bijak dan pintar dari aku!!.. Ahhh mengarutlah!!.”

“Kalau begitu, apa namanya benda ini bang?.”

Alang melirik pada tulisan roman yang ada di pintu gudang itu.

”Namanya Harpun.”

”Aduh!.” Rungut Suren.

"Bang, kalau yang itu apa bang?." Aceng menunjuk ke arah tiga buah pelontar harpun yang berada di luar.

"Mungkin itu untuk melempar harpun. Bentuknya seperti anak panah." Alang coba menganalisis.

"Binatang apa yang harus dibunuh dengan anak panah macam tu?. Dengan tombak besi lagi."

"Entahlah, mungkin raksasa."

Keesokan harinya, di bawah teriknya matahari pada waktu Zohor, dalam perjalanan mereka menuju ke Sinciapo. Alang dan Aceng berada di atas dek belakang. Melihat ke belakang. Alang memakai teropongnya.

"Di sana sudah gelap!."

"Terbaliklah bang."

"Ouhh yeke?." Alang membalikkan teropongnya, menggunakan benda itu lagi.

"Belum dibuka bang."

"Ohh maaf. Aku nampaknya lebih bengap sikit hari ini jika hendak dibandingkan dengan hari biasa."

"Biasanya pun memang selalu macam inilah bang."

"Diamlah kau!!!. Ya tuhan!!."

"Kenapa bang?."

Alang memberikan teropongnya kepada Aceng. Ada 4 kapal perang V.O.C melaju dengan layar penuh terbuka.

"Mereka pasti datang dari Batavia. Datang untuk mengejar kita!!."

Alang melihat ke atas. Margaretha adalah kapal yang dilengkapi dengan dua tiang utama dan di setiap tiang, memiliki tiga bahagian layar. Hanya saja, layar yang paling atas masih belum terbuka.

"Kita harus buka semua layar, Abbas!!!."

"Ya bang?." Abbas naik ke atas dengan sebotol arak.

"Hehehehehe."

"Kau ni dah kenapa?."

"Saya mabuk bang. Minum sikit je." Ujar Abbas, mengangkat ibu jarinya sebelum jatuh pingsan di atas lantai dek kapal. Alang melihat ke bawah, ternyata Suren sudah terlebih dahulu pingsan di samping botol arak dan Lintong tampaknya seperti sedang berjoget tanpa sebarang iringan muzik.

"Aceng!. Naik ke atas!. Buka semua layar!!."

"Beres!!."

Sesaat kemudian, Margaretha melaju dengan lebih kencang dan keempat-empat kapal V.O.C itu tampak mengecil, tertinggal jauh.

"Fuhh selamat!." Ujar Aceng yang sesaat kemudian melihat ke arah kiri.

"Bang, ada 5 kapal di sebelah kiri!!."

"Itu dari arah Bandar Banten."

Pada saat ini, mungkin berita tentang perompakan sudah meluas ke seluruh pejabat dagang di Pulau Jawa.

"Kalau macam inilah gayanya, nampaknya kita tak boleh pergi ke Sinciapo!." Teriak Alang. Itu memang etika yang para perompak setuju. Jangan pernah membiarkan diri mereka menuntun V.O.C ke Sinciapo kerana dengan begitu, semua orang pasti akan tertangkap.

Mereka yang menuntun, akan dicari oleh geng perompak yang lain untuk dihapuskan. Mereka, harus menyelesaikan masalah ini sendiri.

"Habis tu sekarang ni macam mana bang?. Saya tak nak mati lagi bang. Saya belum kahwin lagi....masih perawan." Ujar Aceng sambil banjir air mata.

Alang membanting kemudi ke kiri.

"Kita masuk ke Kepulauan Riau Ceng. Kampung kau. Di sana banyak pulau."

Beberapa hari berikutnya, Margaretha bersembunyi dengan cara meletakkan sauh di pulau-pulau berbeza dalam gugusan Kepulauan Riau. Strategi ini telah membuatkan kapal-kapal V.O.C yang lain kehilangan jejak. Setelah seminggu Margaretha berpindah-pindah pulau, kapal-kapal V.O.C itu menyerah dan pergi dari gugusan kepulauan tersebut. Masalahnya, Alang dan Geng Kuyit juga bingung, tidak tahu di mana mereka berada. Mereka menghabiskan tiga hari berikutnya hanya untuk memilih laluan laut, yang selalu saja salah. Akhirnya mereka menemukan petunjuk arah yang benar dan melanjutkan perjalanan mereka menuju ke Sinciapo dengan aman.

Namun sebelum mereka berangkat, sebuah perbincangan telah diadakan.

"Kita tak boleh selamanya begini." Ujar Alang.

"Kita harus pastikan yang pihak V.O.C tidak dapat mencari kapal ini lagi."

"Alahhh itu senang je bang!! Serahkan saja pada saya. Saya ada idea!!." Balas Lintong yang masih bercita-cita untuk mencurahkan buah fikirannya kepada pasukan ini.

"Hummm idea apa tu?. Cuba kau ceritakan sikit." Tanya Aceng.

Lintong kemudian memberitahu satu persatu ideanya.

"Luar biasa!!."

"Bijak!!!."

“Lakukan sekarang jugak!!.” Mereka bersemangat. Mereka semua berfikir bahawa jalan keluar yang Lintong tawarkan tadi adalah satu penyelesaian terbaik yang pernah mereka dengar.

”Baiklah, saya akan mencari cat hitam sebentar.” Ujar pemuda itu dengan bangga.

Menurut idea Lintong, cara paling mudah agar pihak V.O.C tidak dapat mencari Margaretha adalah dengan memanjat ke bahagian belakang kapal—letak nama kapal.

Margaretha

diganti menjadi.....

Bukan Margaretha

Kerahkan Semuanya!!

Meneer Besar menghentak telapak tangannya ke atas meja kerja.

NAJ!!

NAJ! NAJ! NAJ! NAJ!! NAJ!!!. Dia berulang kali memukul meja.

Speelman dan semua pegawai tertinggi V.O.C berdiri di hadapannya, terdiam.

“Lanun-lanun keparat ini harus kita ajar!!!. Mereka masih belum kenal siapa kita!!.”

Semua orang mengangguk. Salah seorang pegawai tertinggi V.O.C masuk ke dalam ruang kerja Meneer Besar sambil membawa satu lembaran kertas.

”Meneer, ini adalah hasil lukisan wajah ketua lanun itu.”

Meneer Besar mengambil lembaran itu. Dia mengangguk.

”Cetak lukisan ini sebanyak yang boleh dan sebarkan kepada seluruh penjurong pejabat dagang dan pastikan kita akan buat rakyat turut mencari. Walau apapun yang terjadi!!.”

”Tapi itu ertinya-.”

”Walaupun...”

”Baiklah, menurut perintah tuan!.”

Speelman mengambil lembaran lukisan itu lalu memperhatikan nama yang tertera di sana. Alang Kelana. Dia perhatikan baik-baik rupa paras lelaki itu.

Dicari : Alang Kelana

Setelah satu minggu berpindah-randah dari satu pulau ke pulau lain, Margaretha-tepatnya. Bukan Margaretha- merapat di salah satu dermaga di Bandar Sinciapo. Di sebelah kiri mereka adalah Tjin-Tjin dan di sebelah kanan mereka, adalah kapal milik Maruly yang dia namakan sebagai Si Kacak. Seusai menambatkan tali, Alang dan Geng Kunyit turun dari kapal menyusuri dermaga.

"Abang Alang!!!."

"Ahh?."

Cici penjual pau melompat ke dalam pelukan Alang.

"Ehh, ada apa ni?." Tanya Alang, memeluk Cici penjual pau yang sampai sekarang masih belum tahu nama aslinya apa.

"Mei Mei rindukan Abang Alang."

"Ouhhh nama awak Mei Mei?. Ya Tuhan!! setelah satu tahun saya cuba mendekati awak, baru sekarang awak beritahu nama sebenar awak pada saya?." Alang mengeluh sambil meneruskan perjalanan dan mendukung wanita itu.

"Abang Alang mesti penat kan?. Jomlah tidur dengan Mei Mei. Hehehe."

"Saya pun penat jugak Mei Mei. Dah tiga hari saya tak tidur." Celah Lintong yang berjalan di belakang Alang.

"Ada aku tanya kau ke?. Ada?." Bentak Mei Mei.

Alang dan kru kapal Geng Kunyit berjalan menuju ke kedai, tempat biasa para perompak suka melepak menghabiskan masa. Mei Mei masih memeluk Alang dengan erat. Mak cik penjual jamu mula mendatangi Alang, membuatkan mereka berhenti.

"Abang Alang, jamunya bang." Si mak cik mula mempamerkan secangkir jamu.

"Ehh pergi sana!! Kau nak apa datang sini hah?. Pergi!! pergi!! pergi!!!" Bentak Mei Mei, yang mula rasa tergugat.

"Huhh berlagak!! Jangan sampai aku racun nanti!!." Mak cik penjual jamu pula membentak.

"Hummm dahlah!, sini biar saya minum." Alang meminum jamu itu.

"Hummm sedap."

"Mestilah sedap bang. Pakai susu. Susu saya. Hehehehe."

"Berapa ni?."

"Percuma bang, untuk Abang Alang, apa saja semuanya percuma." Ujarnya sambil mengenyitkan anak mata seribu kali.

"Hummm saya minta diri dulu ya mak cik." Balas Alang, mengajak kru kapalnya melangkah menuju ke kedai.

Alang dan para kru kapal terus berjalan. Mereka mula sedar akan lingkungan sekitar.

"Perghhh!! sekarang ni abang makin mantaplah!!." Ujar Lintong.

"Yelah, biasanya tak ada siapa pun nak layan." Ujar Suren.

"Ya, kalau sebelum ni nak minum jamu mak cik tadi pun kena bayar." Ujar Aceng.

Penjual mee ayam yang sudah tua itu mula berlari ke arah mereka. Lelaki tua itu segera menarik lengan Alang.

“Bang Alang. Bang Alang. Ini mee ayam untuk abang. Ayuhlah singgah ke kedai saya. Makan saja di kedai mee ayam saya. Tak payah minum di sana. Ayuh!. Di sini sajalah bang!!.”

“Atuk, maafkan saya. Saya ke sana dulu ya tuk. Maaf.”

Lima minit kemudian, Mei Mei kembali ke dermaga untuk mengurus hasil dagangannya setelah memaksa Alang berjanji untuk menghamilkannya petang nanti.

Alang dan kru Geng Kunyit masuk ke kedai Tjie Xing Oei yang ramai itu dan seketika, semuanya hening.

Maruly dan Han Seng duduk di meja bersama tuan kedai. Mereka mengeluarkan suara.

“Hei! Kelen yang duduk di meja merah!. Berdiri Kelen!!. Bagi kawan kita ni duduk!!.”

Empat orang perompak yang duduk di meja merah itu kemudian berdiri dan dengan penuh hormat memberikan tempat mereka kepada Geng Kunyit. Alang dan anak buahnya duduk di meja itu sambil memandang ke arah sekeliling, semuanya tersenyum dan beramah mesra kepada mereka.

Pelayan kedai memberikan lima cawan teh dan sebelum sempat mereka berkata apa-apa, sang pelayan berkata;

“Abang-abang yang gagah perkasa lagi hensem, jangan bimbang. Minuman di sini semuanya percuma.”

“Hah macam inilah!, barulah rasa dihormati.” Suren mengangguk-angguk.

Han Seng bersuara;

“Hei Alang, orang hebat kena minum dengan orang hebat. Ayuh di sini!!. Ketua lanun kena minum di sini bersama ketua lanun!!.”

Alang berdiri lalu bergabung dengan Han Seng dan Maruly setelah pelayan kedai berjaya memaksa Alang berjanji untuk menghamilkannya malam nanti.

Han Seng dan Maruly menepuk bahu Alang berkali-kali.

"Kau memang gila Lang!! Gila!"

"Kau memang mantap bro!!"

"Ada apa sebenarnya ni hah?. Aku tak faham."

"Hahahahahahaha!!!." Han Seng dan Maruly ketawa besar.

"Hahahahahahaha? Hahahahahahaha?" Alang turut tertawa dengan bingung.

"Tapi betul ni, sebenarnya ada apa hah?. Kenapa korang semua tiba-tiba jadi baik dengan aku?"

"Kami kagum dengan kau."

"Terima kasih."

Han Seng meletakkan selembur kertas di hadapan Alang.

Dicari : Alang Kelana

Kejahatan 1 : Perompakan Bersenjata Di Batavia

Kejahatan 2 : Mencuri Barang Berharga Milik V.O.C

Kejahatan 3 : Pembunuhan

Kejahatan 4 : Penculikan

Kejahatan 5 : Pembunuhan Lagi

Kejahatan 6 : Mencuri kapal milik V.O.C

Ganjaran : 2,000,000 Kepingan Emas (Hidup atau Mati)

Oleh : Pemerintah V.O.C.

"Ouhhh...." Alang mengeluarkan kata 'oh' seperti orang yang ucapkan saat mereka baru saja terduduk di atas sebilah pisau.

"Atau saat sedang minum teh misalnya."

"Siapa tahu kalau teh itu telah diletakkan racun....misalnya."

Semua kru kapal Geng Kunyit berhenti minum.

"Dua juta kepingan emas sudah cukup untuk membuatkan kumpulan perompak di kedai ini merancang satu pembunuhan.....misalnya."

Alang dan krunya terdiam. Dengan perlahan, mereka melihat ke arah sekeliling. Semua kumpulan perompak yang ada di dalam sana, tersenyum sangat manis.

Terlalu manis.

Tersenyum sambil memegang parang dan senapang mereka dengan erat.

"Sedangkan nilai kepala kau Alang, yelah...." Han Seng meneguk minumannya sambil tersenyum, melirik ke arah Alang Kelana.

Kelima-lima mereka mula terbenam dalam satu perasaan yang tidak enak.

"Ouhhh....macam tu ke?."

"Tak apalah, kalau macam tu, kami minta diri dululah." Sambung Alang.

"Ehhh kenapa cepat sangat kau nak balik ni Lang?. Santai-santailah dulu."

Alang berdiri dengan cepat.

"Aku hanya ingin keluar dari kedai ini dan tetap hidup."

Alang berdiri di depan anak-anak buahnya, segera mengajak mereka untuk keluar.

"Kawan-kawan, sebaiknya kita ba....-"

"Heaaaaaaa!!!!!!."

Alang tidak sempat menyelesaikan kalimat itu kerana kaki Han Seng sudah menendang kepalanya sehingga ia hampir berputar 180 darjah. Para kru kapal juga merasa tidak perlu

meminta Alang untuk menyelesaikan kalimatnya kerana mereka saat ini sedang sibuk mengelak dari terkena libasan golok, parang dan botol pecah yang datang dari segenap penjuru, dari semua orang. Semua perompak menghunus senjata mereka, menerajang Alang dan kru Geng Kunyit. Begitu juga dengan atuk, penjual mee ayam tadi. Tukang jahit, Nini penjual sambal dan mak cik penjual jamu tadi. Intinya, semua orang benar-benar menerajang mereka.

Alang dan Geng Kunyit terlempar keluar dari jendela kedai dan terjatuh di atas pasir. Alang kembali bangun dan melihat Mei Mei melemparkan pisau daging ke arahnya. Pisau itu terbang, menghiris pipinya sedikit sebelum tertancap ke dinding.

Alang menatap Mei Mei dan bertanya;

”Mei Mei, petang ni macam mana?. Jadi tak?!!.” Dia ingin memastikan adakah kesempatan emas itu masih lagi ada atau tidak.

”Tidak!!.” Mei Mei menjerit demikian sambil berlari ke arah Alang, berbekal dua bilah pisau pemotong lagi. Para kru kapal sebenarnya ingin mengajukan pertanyaan, berapa sebenarnya jumlah pisau yang seorang penjual pau perlukan kerana memiliki tiga bilah pisau pemotong daging sepertinya terlalu banyak. Namun, mereka sepakat untuk menyimpan pertanyaan ini untuk lain hari kerana mereka harus lari dan menyelamatkan diri dulu dari dikejar oleh orang-orang pulau.

Alang dan Geng Kunyit berlari secepatnya.

”Jangan tembak!! Kita perlukan Alang hidup-hidup!.” Jerit salah seorang daripada mereka.

Mereka melambatkan lariannya, bernafas agak lega.

”Nanti setelah mereka memberitahu di mana peti itu berada barulah kita cincang badan mereka!!.” Jerit Han Seng.

Alang dan para kru kapalnya kembali berlari kencang.

"Alhamdulillah, kita dah sampai!!." Teriak Abbas yang selalu alim di saat nyawa terancam tetapi tidak terlalu alim di saat melakukan maksiat.

Sesaat setelah itu, wajah Maruly dan kru kapalnya muncul dari atas dek Bukan Margaretha. Ternyata Maruly telah mendahului Alang dan mencuri kapal Eropah itu.

" Hei bongok!! . Mana kau simpan isi peti tu hah??!" Teriak ketua lanun itu, menunjukkan peti hitam yang kosong.

Saat Alang masih memikirkan apa yang harus dia katakan, Lintong sudah terlebih dahulu memberikan jawapan.

"Jangan biarkan mereka tahu bahawa keris hitam itu abang sedang sematkan di pinggang abang!!."

Semua terdiam, menatap Lintong. Alang mencengkam baju Lintong dan melemparkan anak buahnya itu ke arah Maruly.

"Ini!! . Ambil budak bodoh ini!!!."

Han Seng dan krunya serta Mei Mei dan seisi pulau itu mengejar dari jauh, tampak masih bersemangat mahu mencincang Alang sehingga menjadi cebisan-cebisan kecil. Oleh kerana itu, Alang segera berlari menuju ke kapal lanun yang ada di sebelahnya- diikuti oleh para kru kapalnya.

"Hei!!!. Kau nak buat apa dengan kapal aku tuuu??!!!!!"

"Kita tukar kapal ya?. Semoga redha!!!." Jerit Alang sambil memotong semua tali tambatan secepat mungkin. Namun, menurunkan layar memang tidak secepat seperti makan jering. Sebelum semua layar selesai dibuka, Han Seng, Mei Mei, Maruly, mak cik penjual jamu dan ½ populasi Bandar Sinciapo telah ikut naik ke atas dek, mengepung Alang berserta anak buahnya. Alang menghunus badiknya sementara para kru yang lain turut serta membela diri dengan cara menjerit-jerit tidak keruan!!.

Alang dan krunya telah dikepung di tengah-tengah dek kapal milik Maruly.

"Heaaaaa!!!!." Han Seng baru saja mengayunkan parangnya ketika.....

BOOOMMMMMM!!!

Sebuah harpun dilepaskan dari Bukan Margaretha, menyebabkan tangan kanan Han Seng terputus. Semua orang menoleh ke arah kapal Belanda itu. Kelihatan seseorang yang memakai paku bahu.

"Oh...aammmm....eerrrr...uuuuuhhh." Alang dan kru kapalnya masih sempat mengangguk, faham.

Perompak yang lain juga turut menerajang tetapi di saat itu, satu kelibat bayangan melompat turun, entah dari mana. Dengan gerakan yang begitu pantas, hampir tidak terlihat. Han Seng dan anak buahnya terjelupuk jatuh sehingga keluar dari kapal.

Dua sosok lain melompat turun di antara Alang dan kumpulan perompak yang lain. Dengan ilmu bela diri yang sangat tinggi, mereka menangkis semua serangan dari perompak itu. Tidak hanya menangkis tetapi juga turut menendang keluar sebahagian kumpulan perompak, melibas sebahagian yang lain. Seorang sosok wanita yang cantik berlari ke arah Alang. Alang hampir berkata bahawa ini bukan waktunya untuk peluk-pelukan segala tetapi ternyata wanita itu menggunakan Alang sebagai perisai untuk memberikan tendangan hebat ke arah beberapa pihak lawan termasuk Maruly sehingga mereka terkeluar dari kapal.

Salah seorang dari mereka berteriak ke arah Alang dan kruanya.

"Cepat!!!. Layarnya!!!."

Alang mengerti sambil meninju satu-dua lawan, dia dan para kru akhirnya selesai mengembangkan semua layar kapal itu. Yang tersisa hanya Mei Mei, mak cik penjual jamu dan beberapa orang perompak lain. Dua lelaki dan satu wanita itu menghunus keris ke arah mereka. Tanpa berkata apa-apa lagi, mengakhiri hidup semua perompak yang ada di depannya.

"Hummm nampaknya melepaslah aku!. Petang ni dah tak jadi!!." Alang masih sempat merasa sedih.